



## PERJANJIAN PEMEGANG KAD

Perjanjian Pemegang Kad ini ("Perjanjian ini") mengawal pengendalian Akaun Kad dan penggunaan Kad di bawah Akaun Kad. Adalah penting untuk anda memahami dan membaca Perjanjian ini.

Pemegang Kad diperingatkan untuk membaca dan mamahami terma dan syarat Perjanjian ini. Pemegang Kad dinasihatkan untuk mendapatkan khidmat nasihat guaman bebas. Jika Pemegang Kad tidak memahami mana-mana terma dan syarat yang terkandung, sila dapatkan pengesahan daripada wakil/kakitangan sah kami.

### Persetujuan terhadap terma Perjanjian ini

AmBank (M) Berhad ("Bank") ialah penyedia kredit bagi Akaun Kad kad kredit. Anda menerima tawaran Bank untuk menyediakan kredit berasaskan terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini apabila Kad Kredit anda digunakan buat kali pertama.

### Definisi

"Perkhidmatan 3D Secure"	perkhidmatan pengesahan dalam talian (online) bagi Mastercard®, UnionPay dan/atau VISA untuk memastikan keselamatan urus niaga dalam talian di laman pedagang dalam talian 3D Secure yang memaparkan logo "Mastercard SecureCode" logo, "UnionPay Online Payment (UPOP)" logo dan/atau "VERIFIED by Visa (VbV)".
"Pusat Perhubungan AmBank"	Pusat panggilan Perkhidmatan Pelanggan AmBank, yang boleh dihubungi menerusi kaedah hubungan pada akhir Perjanjian ini.
"Kumpulan AmBank"	AMMB Holdings Berhad (No. Pendaftaran Syarikat 199101012723) dan kumpulan syarikat-syarikat dan termasuk semua anak syarikat langsung dan tidak langsung dan syarikat sekutu di bawah syarikat pegangan Bank.
"ATM"	Mesin Teler Automatik Bank atau mana-mana anak syarikat Kumpulan AmBank atau Bank Ahli Mastercard/UnionPay/Visa.
"Hari Perniagaan"	hari di mana Bank dibuka untuk perniagaan, tidak termasuk cuti umum.
"Buletin Pembatalan"	senarai nombor Kad dan Akaun Kad yang tidak sah dan dibatalkan oleh Bank atau Bank Ahli Mastercard/UnionPay/Visa.
"Kad"	kad kredit Mastercard, UnionPay atau Visa yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad pada bila-bila masa atau kepada Pemegang Kad Tambahan di bawah Perjanjian ini.
"Pemegang Kad"	orang yang mana Akaun Kad telah dibuka di atas namanya dan di mana berkenaan, turut bermaksud Pemegang Kad Tambahan.
"Akaun Kad"	akaun yang disenggarakan oleh Bank untuk menyediakan kemudahan kredit untuk digunakan oleh Kad dan tertakluk kepada Had Kredit.
"Nombor Kad"	nombor 16 angka yang dicetak timbul pada Kad. Nombor ini mungkin berbeza atas beberapa sebab termasuk (tetapi tidak terhad kepada) penggantian kad, perubahan produk kad dan keperluan sistem.
"Penyata Kad"	penyata akaun bulanan yang dikeluarkan oleh Bank menyatakan yuran dan caj urus niaga runcit dan lain yang ditanggung oleh Pemegang Kad menggunakan Kad.
"Tarikh Penyata Kad"	tarikh di mana Bank mengeluarkan Penyata Kad.
"Pendahuluan Tunai"	pengeluaran tunai yang boleh dibuat daripada Akaun Kad sama ada menerusi ATM atau menerusi kaunter di cawangan Bank yang ditetapkan (atau anak syarikat Kumpulan AmBank) atau cawangan Bank Ahli Mastercard/UnionPay/Visa yang turut serta.
"Had Kredit"	had perbelanjaan yang ditetapkan oleh Bank di bawah Akaun Kad.
"Tempoh Tanpa Faedah"	tempoh di dalam sebulan di mana tiada faedah akan dikenakan atas urus niaga runcit (selain daripada Pendahuluan Tunai dan urus niaga pertaruhan atau permainan) selama dua puluh (20) hari kalendar dari tarikh catatan untuk kesemua urus niaga runcit yang dibayar menggunakan kad kredit, dengan syarat baki tertunggak Pemegang Kad pada bulan sebelumnya telah dijelaskan sepenuhnya.

“Mastercard”	Mastercard International Incorporated, sebuah syarikat yang ditubuhkan di Delaware, dengan alamat utama di 2000 Purchase Street, Purchase, NY 10577-2509, Amerika Syarikat (dan termasuk pengganti hak milik dan penerima serah hak) yang mana Bank merupakan ahli utama.
“Bank Ahli Mastercard”	institusi kewangan yang menjadi ahli Mastercard.
“Pedagang”	sebuah entiti perniagaan atau peruncit yang bersetuju untuk membenarkan pembelian barangan dan perkhidmatannya untuk dicajkan kepada Kad.
“Jumlah Minimum Perlu Dibayar”	jumlah minimum yang perlu dibayar yang dinyatakan secara bulanan dalam Penyata Kad dan yang perlu dibayar oleh Pemegang Kad selewat-lewatnya pada Tarikh Matang Pembayaran, iaitu: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. 5% daripada keseluruhan baki tertunggak* (jika ada); *baki tertunggak merujuk kepada transaksi runcit (jika ada) + Pendahuluan Tunai (jika anda) + caj dan fi kewangan (jika anda)</li> <li>ii. Cukai atau 100% Cukai Perkhidmatan Kad (jika anda);</li> <li>iii. 100% Ansuran Bulanan (jika ada) (termasuk ansuran bulanan untuk Tukaran Baki Automatik, Permindahan Baki, QuickCash, Pelan Pembayaran Flexi, Pelan Pembayaran Mudah dan pelan-pelan ansuran lain yang ada dari semasa ke semasa);</li> <li>iv. 100% amaun lewat bayar (jika anda);</li> <li>v. 100% untuk semua amaun yang melebihi had (merujuk kepada amaun yang melebihi Had Kredit yang ditentukan atau Had Kredit yang diberikan) <b>ATAU</b> Minimum RM50, yang mana lebih tinggi.</li> </ul>
“Rakan Niaga”	sebuah entiti perniagaan atau syarikat yang menjadi rakan niaga Bank untuk menawarkan atau menyediakan program bagi Pemegang Kad.
“Tarikh Matang Pembayaran”	Tarikh di mana Pemegang Kad membayar jumlah keseluruhan yang dihutang atau Jumlah Minimum Perlu Dibayar, iaitu dua puluh (20) hari kalendar dari Tarikh Matang Kad. Tarikh Matang Pembayaran boleh diubah pada bila-bila masa atas budi bicara Bank dengan memberikan notis terlebih dahulu dan sebarang perubahan adalah berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Bank.
“PIN”	Nombor Pengenalan Peribadi, dengan sekurang-kurangnya 6-digit, yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad dan Pemegang Kad tambahan masing-masing.
“Tarikh Catatan”	Tarikh di mana urus niaga dicatatkan dalam Akaun Kad Pemegang Kad.
“Kad Utama”	Kad yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad Utama.
“Pemegang Kad Utama”	Orang yang memohon sebagai pemohon utama dan telah diluluskan untuk memegang Kad Utama.
“Pemegang Kad Tambahan”	Mana-mana orang yang dinamakan oleh Pemegang Kad Utama untuk memegang satu lagi kad atau Kad Tambahan di bawah Akaun Kad.
“UnionPay”	UnionPay International Co. Ltd., sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah undang-undang negara China, dengan alamat utama di Floor 2-7, No. 6 Dongfang Road, Pudong New Area, Shanghai China (dan termasuk pengganti hak milik dan penerima serah haknya) yang mana Bank merupakan ahli utamanya.
“Bank Ahli UnionPay”	institusi kewangan yang merupakan ahli UnionPay.
“Visa”	Visa International Service Association yang beralamat di Peti Surat 8999, San Francisco, CA 94128-8999, Amerika Syarikat (dan termasuk pengganti hak milik dan penerima serah haknya) yang mana Bank merupakan ahli utamanya.
“Bank Ahli Visa”	institusi kewangan yang merupakan ahli Visa.

Perkataan yang mewakili bentuk mufrad juga mewakili bentuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Perkataan yang merujuk kepada orang juga merujuk kepada perkongsian, firma atau syarikat.

Tajuk terma dan syarat di dalam ini hendaklah tidak dianggap sebahagian daripada atau diambil kira dalam pentafsiran atau pentakrifan terma dan syarat ini.

Bagi tujuan mengira sebarang tempoh masa atau di mana sesuatu tindakan perlu diambil dalam masa yang tertentu dari tarikh yang ditetapkan, tempoh ini adalah termasuk dan masa akan mula dikira dari tarikh yang dinyatakan.

## 1. Had Kredit

### 1.1. Had Kredit di bawah Akaun Kad

- (a) Tiada apa di dalam perjanjian ini yang menghadkan liabiliti Pemegang Kad, dan Pemegang Kad hendaklah dan akan terus bertanggungjawab terhadap semua urus niaga yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad walaupun jumlah baki tertunggak Akaun Kad telah melebihi Had Kredit, kecuali bagi urus niaga yang dilaksanakan akibat penggunaan Kad secara tidak sah, yang mana

liabiliti Pemegang Kad daripada penggunaan tidak sah dinyatakan dalam **Klausula 7.3 (d)** dan dengan syarat Pemegang Kad tidak mengambil bahagian dalam apa-apa perbuatan penipuan atau penyalahgunaan Kad.

- (b) Tertakluk kepada dokumen pendapatan dan kelulusan, Pemegang Kad Utama boleh meminta Bank untuk meningkatkan atau mengurangkan Had Kredit pada bila-bila masa tetapi Bank tidak wajib bersetuju dengan permintaan tersebut.
  - (c) Bank boleh meminda Had Kredit atas budi bicara Bank dan memaklumkan Pemegang Kad tentang pindaan menerusi sebarang kaedah komunikasi. Bagaimanapun, sebarang peningkatan Had Kredit oleh Bank berdasarkan pindaan tersebut adalah tertakluk kepada penerimaan Pemegang Kad terhadap peningkatan tersebut.
- 1.2. Perkhidmatan Lebihan Had
- (a) Pemegang Kad hendaklah memaklumkan Bank sekiranya Pemegang Kad membuat keputusan untuk berbelanja melebihi Had Kredit.
  - (b) Jika pihak Bank bersetuju kepada permintaan Pemegang Kad di bawah **Klausula 1.2(a)** di atas, pihak Bank akan menyediakan perkhidmatan untuk membenarkan transaksi yang dibuat melebihi Had Kredit sehingga had yang ditetapkan oleh Bank dan seperti mana yang dimaklumkan kepada Pemegang Kad. Bagi mengelakkan keraguan, kemudahan kewangan sementara ini diberikan kepada Pemegang Kad tidak boleh ditafsirkan sebagai peningkatan kekal had kredit Pemegang Kad. Caj Had berlebihan akan dikenakan bagi kemudahan peningkatan Had kredit sementara ini, menurut **Klausula 5**.
  - (c) Jika Pemegang Kad memilih untuk berbelanja di bawah Had Kredit, sebarang urusan niaga melebihi Had Kredit akan ditolak kecuali bagi yang berikut:
    - i. Urus niaga pemrosesan gantian, yang melibatkan khidmat pengesahan rangkaian pembayaran (Mastercard/UnionPay/Visa) yang diperlukan untuk pelaksanaan sekiranya atau apabila pemroses pengesahan Bank tidak dapat digunakan.
    - ii. faedah, yuran dan caj yang dikenakan oleh Bank.
    - iii. urusan niaga auto-debit.Bagi perkara (iii) di atas, caj Lebihan Had masih akan dikenakan.
  - (d) Selain daripada Had Kredit, Bank juga mengenakan had pengeluaran tunai bagi sebarang Pendahuluan Tunai, seperti yang dinyatakan dalam **Klausula 3**, yang boleh diubah dari masa ke masa oleh Bank.

## 2. Penggunaan Akaun Kad dan Kad

- 2.1. Bagaimana Akaun Kad dan Kad patut digunakan
- (a) Kad adalah hak milik Bank dan mesti dipulangkan kepada Bank atas permintaan Bank.
  - (b) Pemegang Kad hendaklah serta-merta menurunkan tandatangan di belakang Kad selepas menerima Kad.
  - (c) Pemegang Kad tidak boleh menggunakan Kad atau Akaun Kad untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang atau melibatkan penipuan atau membenarkan sesiapa sahaja untuk berbuat demikian. Jika Pemegang Kad berbuat demikian, Pemegang Kad bertanggungjawab untuk penggunaan tersebut dan mungkin dikehendaki membayar balik Bank dan/atau Mastercard/UnionPay/Visa, bagi semua jumlah yang ditanggung oleh Bank dan/atau Mastercard/UnionPay/Visa disebabkan penggunaan tersebut.
  - (d) Walau apa pun yang disyaratkan oleh (c) di atas, Pemegang Kad tetap bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjelaskan Bank jumlah yang perlu dibayar bagi urusan niaga yang terbabit, jika ada, dan perenggan (c) di atas tidak akan digunakan sebagai alasan untuk tidak membayar Bank.
  - (e) Kad hanya boleh digunakan oleh Pemegang Kad. Perjanjian ini hendaklah terpakai kepada pemegang Kad Tambahan melainkan jika diperuntukkan dengan nyata dalam perjanjian ini. Pengeluaran kad tambahan kepada pemegang Kad Tambahan adalah mengikut budi bicara pihak Bank.
  - (f) Permintaan untuk meningkatkan Had Kredit atau mencalonkan orang lain untuk menjadi pemegang kad tambahan dibawah Akaun Kad seorang pemegang kad tambahan adalah tidak sah.
  - (g) Pemegang Kad akan diberikan PIN melalui kaedah yang diatur oleh pihak Bank secara langsung dengan Pemegang Kad bagi tujuan membuat urusan niaga dengan Kad di mana mana pembaca/terminal elektronik, ATM atau apa-apa kemudahan yang memerlukan penggunaan PIN. Pemegang Kad untuk menukar PIN di mana-mana ATM AmBank sebelum urusan niaga pertama yang memerlukan penggunaan PIN.
  - (h) Pemegang Kad hendaklah mematuhi dan terikat dengan semua arahan yang terkandung dalam pemberitahuan nasihat PIN/mailler yang diterima bersama-sama dengan PIN, dan hendaklah mempunyai pilihan untuk menukar PIN pada bila-bila masa melalui ATM Bank atau mana-mana cara yang ditetapkan seperti yang dinasihatkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
  - (i) Jika digesa untuk memasukkan PIN apabila menggunakan Kad untuk pembelian, Pemegang Kad hendaklah memasukkan nombor PIN, jika tidak, transaksi mungkin ditolak. Jika PIN tidak diminta semasa pembelian dengan Kad di mana-mana dihadiri pembaca/terminal dan transaksi itu diluluskan atau diselesaikan, tandatangan Pemegang Kad diperlukan oleh saudagar di pembaca/terminal.

- (j) Pemegang Kad boleh menghubungi pihak Bank untuk mendapatkan atau memilih PIN baru jika Pemegang Kad lupa PIN atau jika Pemegang Kad memasukkan PIN yang salah menyebabkan PIN disekat.
  - (k) Pemegang Kad Utama hendaklah bertanggungjawab untuk semua transaksi, caj, yuran, faedah, caj bayaran lewat, kos lain dan perbelanjaan sampingan yang dilaksanakan dengan penggunaan Kad dan Kad Tambahan dan didebitkan ke dalam Akaun Kad. Walau bagaimanapun, pemegang Kad Tambahan akan bertanggungjawab untuk menanggung bayaran mereka sendiri.
- 2.2. Penerimaan Kad
- (a) Kad lazimnya diterima oleh institusi kewangan dan Pedagang yang memaparkan simbol kad kredit yang berpatutan dan diterima di mesin ATM dan cawangan perniagaan yang berkenaan sebagai kaedah pembayaran.
  - (b) Bank tidak menanggung sebarang liabiliti:
    - i. jika mana-mana Pedagang mengubah harga bagi barangan dan perkhidmatan sama yang dibeli dengan Kad;
    - ii. jika mana-mana institusi kewangan atau Pedagang yang memaparkan simbol kad kredit enggan menerima atau membenarkan penggunaan Kad; dan
    - iii. terhadap mana-mana barangan dan/atau perkhidmatan yang dibeli dengan Kad.
 Untuk mengelakkan keraguan, sebarang tuntutan dan/atau pertikaian yang wujud antara Pemegang Kad dengan institusi kewangan atau Pedagang tidak akan melepaskan Pemegang Kad daripada tanggungan untuk membayar sebarang jumlah yang dihutang (selain daripada jumlah yang dipertikaikan sambil menantikan keputusan penyiasatan pertikaian). Pemegang Kad mungkin dikehendaki membuat bayaran berasaskan keputusan penyiasatan. Tambahan lagi, Pemegang Kad berjanji untuk tidak melibatkan Bank dalam sebarang tuntutan dan/atau pertikaian atau prosiding undang-undang terhadap institusi kewangan atau Pedagang tersebut.
  - (c) Sebarang aduan tentang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibeli dengan Kad mesti diselesaikan secara terus dengan Pedagang yang terbabit.
  - (d) Di samping terma Perjanjian ini, penggunaan Kad bagi urus niaga ATM tertakluk kepada terma dan syarat yang mengawal urus niaga ATM Bank dan/atau institusi kewangan ahli Mastercard/UnionPay/Visa.
- 2.3. Menggunakan Kad di luar Malaysia
- (a) Pemegang Kad adalah digalakkan untuk memaklumkan Bank tentang hasratnya untuk pergi ke luar negara untuk mengelakkan gangguan kepada penggunaan Kad.
  - (b) Di samping terma Perjanjian ini serta undang-undang dan peraturan Malaysia yang berkenaan, semua urus niaga, termasuk pendahuluan tunai, adalah tertakluk kepada undang-undang tempatan negara asing yang berkenaan yang perlu dipatuhi.
  - (c) Semua caj, pembelian dan pendahuluan tunai akan ditukarkan daripada mata wang di mana urus niaga diproses oleh Mastercard/UnionPay/Visa pada kadar tukaran seperti yang ditentukan oleh Mastercard/UnionPay/Visa sebelum Akaun Kad didebitkan dalam Ringgit Malaysia. Kadar tukaran mungkin berbeza daripada kadar harian yang disiarkan disebabkan turun naik pasaran.
  - (d) Sekiranya penggunaan PIN tidak dapat disokong atau dilaksanakan apabila kad diguna di luar negara, tandatangan Pemegang Kad diperlukan oleh Pedagang di pembaca/terminal yang dikendalikan.
- 2.4. Tempoh sah dan luput Kad
- (a) Kad hanya boleh digunakan sehingga tarikh "valid thru" (sah sehingga) yang dipaparkan pada Kad. Pemegang Kad hendaklah memastikan bahawa sebaik sahaja Kad luput, ia dimusnahkan atau tidak boleh digunakan, dengan memotong kad kepada dua bahagian merentasi cip.
- 2.5. Pembaharuan Kad
- (a) Tertakluk kepada **Klausula 8**, Pemegang Kad dengan ini memberi kebenaran kepada Bank untuk memperbaharui tempoh sah Kad yang luput bagi pihak Pemegang Kad untuk tujuan kesinambungan. Pembaharuan Kad akan dipaparkan menerusi tarikh "valid thru" baru pada Kad.
  - (b) Kad boleh diperbaharui oleh Bank apabila Kad digantikan akibat kehilangan, kecurian, kerosakan atau sebab lain atau apabila Kad baru dikeluarkan semula.
  - (c) Bank berhak atas budi bicaranya untuk menggantikan atau mengeluarkan semula Kad pada bila-bila masa. Sebarang penggantian atau pengeluaran semula Kad adalah tertakluk kepada mana-mana perubahan lain yang dikenakan oleh Bank pada Kad atau di bawah Perjanjian ini selain daripada pembaharuan, termasuk dan tidak terhad kepada perubahan rekaan, penambahbaikan atau penurunan atau kenaikan taraf Kad. Bank boleh menggantung penggunaan Kad dengan memberikan notis sekiranya Kad perlu digantikan akibat kehilangan, kecurian, kerosakan atau sebab lain.
  - (d) Sebarang penggantian atau pengeluaran semula Kad boleh melibatkan pengambilan balik atau penyimpanan Kad asal oleh Bank menerusi sebarang cara yang wajar (melainkan ia tidak dapat diperolehi akibat kehilangan atau kecurian). Sebarang penggantian atau pengeluaran semula Kad tidak harus dianggap sebagai penamatan Perjanjian ini atau penutupan Akaun Kad.

### 3. Urus niaga yang dibuat menerusi Kad

#### 3.1. Urus niaga atas Akaun Kad

- (a) Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank boleh mendebitkan Akaun Kad bagi semua urus niaga yang dibuat atau dibenarkan oleh Pemegang Kad dalam mana-mana cara yang berikut:
  - i. apabila Kad digunakan dengan atau tanpa PIN menerusi peralatan elektronik;
  - ii. apabila Kad diserahkan kepada Pedagang untuk diletakkan atau dimasukkan pada pembaca/terminal, atau bagi Kad mempunyai ciri "PayPass", "QuickPass" atau "PayWave", dengan menyentuh atau mengimbaskan Kad pada pembaca/terminal tanpa sentuhan ("Pemrosesan Urus Niaga Tanpa Sentuhan");
  - iii. apabila butiran tentang Akaun Kad atau Kad disediakan kepada Pedagang atau mana-mana pihak lain yang mana bayaran dibuat kepadanya, secara langsung atau menerusi pihak ketiga, dengan cara yang boleh diterima oleh Bank, sebagai contoh melalui telefon atau dalam talian; atau
  - iv. apabila dana dipindahkan secara elektronik menggunakan khidmat perbankan Internet, perbankan telefon atau perbankan mudah alih Bank.
- (b) Untuk perkara (ii), Pemrosesan Urus Niaga Tanpa Sentuhan membolehkan urus niaga diproses tanpa perlu meleretkan Kad di pembaca jalur magnet atau pembaca cip. Dengan syarat urus niaga pembelian adalah tidak melebihi Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250) atau sebarang nilai had yang dibenarkan atau ditetapkan oleh Mastercard/UnionPay/Visa dari masa ke masa untuk transaksi tempatan atau luar negara, sebarang pembelian melalui Pemrosesan Urus Niaga Tanpa Sentuhan mungkin tidak memerlukan PIN dan/atau tandatangan Pemegang Kad untuk mengesahkan urus niaga. Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad memahami dan memperakui kemudahan menggunakan Kad untuk urus niaga yang melibatkan Pemrosesan Tanpa Sentuhan dan menerima risiko yang dikaitkan dengannya. Walau apa pun yang terkandung dalam perenggan (a) di atas, Pemegang Kad hendaklah berjanji untuk bertanggungjawab terhadap semua urus niaga yang melibatkan Pemrosesan Urus Niaga Tanpa Sentuhan tidak kira sama ada urus niaga tersebut mendapat kebenaran Pemegang Kad atau tidak.

#### 3.2. Pendahuluan Tunai

- (a) Di mana urus niaga yang dibenarkan oleh Pemegang Kad adalah untuk Pendahuluan Tunai, Pemegang Kad mungkin tertakluk kepada:
  - i. Yuran Pendahuluan Tunai di bawah **Klausu 5**.
  - ii. Had Kredit dan/atau had Pendahuluan Tunai yang ditetapkan oleh Bank dan/atau had pengeluaran harian ATM atau menerusi kaunter yang ditetapkan oleh Bank atau Bank Ahli Mastercard/UnionPay/Visa, mengikut keadaan.Di mana terpakai, Pendahuluan Tunai boleh disediakan kepada Pemegang Kad di Malaysia atau negara lain (seperti yang diluluskan dari masa ke masa).
- (b) Bank berhak untuk menentukan jumlah tunai yang boleh dikeluarkan di bawah Pendahuluan Tunai (jumlah yang mungkin lebih rendah daripada Had Kredit) atau menukar had Pendahuluan Tunai yang ditetapkan olehnya dari masa ke masa atas budi bicaranya.

#### 3.3. Urus niaga berulang dan arahan tetap lain

- (a) Tertakluk kepada **Klausu 3.1**, bagi sebarang urus niaga yang dibenarkan oleh Pemegang Kad di bawah pembayaran berulang atau arahan tetap (berjadual atau sebaliknya) menerusi sebarang langganan saluran bill atau aturan pembayaran di antara Pemegang Kad dan Pedagang, Bank akan mendebitkan Akaun Kad dengan sewajarnya dan akan terus berbuat demikian selagi pembayaran berulang atau arahan tetap dibuat.
- (b) Bank akan terus mendebitkan Akaun Kad di bawah pembayaran berulang atau arahan tetap menurut perenggan (a) di atas walaupun nombor atau tarikh luput Kad ditukar atas sebab Kad digantikan atau dikeluarkan semula (sama ada akibat pembaharuan, penaikan taraf dan/atau penurunan taraf Kad dan/atau apa jua sebab sekalipun).
- (c) Pemegang Kad selanjutnya bersetuju bahawa sebarang penggantian atau pengeluaran semula Kad tidak akan dianggap sebagai pembatalan pembayaran berulang atau arahan tetap dan/atau penamatan langganan saluran bil Pemegang Kad atau aturan pembayaran dengan Pedagang sehinggalah pembatalan dan/atau penamatan berkenaan dibuat secara terus oleh Pemegang Kad dengan Pedagang yang terlibat.
- (d) Walaupun dengan hak Bank di dalam perenggan (b) di atas, Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab untuk mengemaskinikan butiran Kad di bawah langganan saluran bil atau aturan pembayaran Pemegang Kad dengan mana-mana Pedagang dalam keadaan di mana berlakunya penggantian atau pengeluaran semula Kad dan/atau sebarang perubahan dengan Kad.

#### 3.4. Urus niaga dalam talian

- (a) Pemegang Kad dikehendaki memasukkan Kod Pengesahan Urus Niaga ("TAC") untuk melakukan urus niaga dalam talian dengan pedagang 3D Secure.
- (b) TAC yang dikeluarkan adalah sulit sepenuhnya dan Pemegang Kad tidak harus mendedahkan TAC kepada sesiapa pun dalam apa jua keadaan atau dengan sebarang cara lain sekalipun. Pemegang Kad bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua urus niaga dalam talian yang dilaksanakan dengan penggunaan TAC.
- (c) TAC akan dihantar menerusi Perkhidmatan Pesanan Ringkas ("SMS") ke talian mudah alih Pemegang Kad yang didaftarkan dengan Bank. Pemegang Kad hanya akan menerima TAC menerusi

SMS apabila di luar Malaysia jika telefon bimbit Pemegang Kad berada dalam mod perantauan dan kos yang dikenakan oleh syarikat telekomunikasi akan ditanggung oleh Pemegang Kad.

- (d) Sekiranya Pemegang Kad tidak menerima TAC kerana ketidaksahan, kegagalan akses atau kegagalan sistem talian mudah alih berdaftar (termasuk tetapi tidak terhad kepada sistem Bank atau pihak ketiga, sebarang kegagalan atau kerosakan elektronik, mekanikal, sistem, virus komputer, pepijat atau masalah berkaitan kerosakan sistem operasi, kegagalan rangkaian telekomunikasi atau internet, gangguan bekalan kuasa atau UPS atau gangguan penghantaran lain), Pemegang Kad boleh menghubungi Pegawai Khidmat Pelanggan di nombor yang dinyatakan di dalam **Klausula 9.2(f)** di bawah untuk bantuan. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan selagi pihak Bank tidak melanggar Perjanjian ini atau didapati cuai, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad sekiranya Pemegang Kad tidak dapat membuat pembelian dalam talian di rakan niaga 3D Secure yang mengambil bahagian kerana tidak menerima TAC yang disebabkan oleh keadaan yang tidak diduga dan tidak dapat dielakkan yang dinyatakan di sini.
- (e) Dalam keadaan di mana Pemegang Kad memerlukan atau menggunakan sebarang khidmat atau perisian sokongan yang disediakan oleh mana-mana pihak ketiga untuk mengakses dan mengendalikan Perkhidmatan 3D Secure, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan pihak Bank tidak melanggar perjanjian ini ataupun disebabkan oleh sebarang kecuai, pihak Bank tidak menjamin keselamatan dan kerahsiaan maklumat yang dipindahkan menerusi penyedia perkhidmatan internet, penyedia rangkaian, atau penyedia rangkaian komunikasi atau apa-apa system yang sedemikian dibawah mana-mana bidang kuasa.
- (f) Pemegang Kad bertanggungjawab sepenuhnya terhadap komputer, sistem atau peranti lain milik Pemegang Kad di mana urusan niaga dalam talian dilaksanakan dan Pemegang Kad mesti mematuhi mana-mana syarat dikenakan dari masa ke masa oleh Bank dalam hal sedemikian.

#### 4. Penyata Kad dan cara membuat bayaran

##### 4.1. Menggunakan Penyata Kad

- (a) Bank hendaklah menghantar Penyata Kad ke alamat terakhir Pemegang Kad yang diketahui dalam rekod Bank dan Penyata Kad hendaklah dianggap telah diterima oleh Pemegang Kad dalam masa tujuh (7) hari perniagaan selepas diposkan. Sekiranya Pemegang Kad memilih untuk menerima Penyata Kad dalam bentuk penyata elektronik Bank, ("e-Penyata"), Penyata Kad akan dihantar ke alamat e-mel terakhir Pemegang Kad yang didaftarkan dengan Bank dalam masa empat (4) hari perniagaan dari Tarikh Penyata Kad dan akan dianggap telah diterima oleh Pemegang Kad. Selepas menerima Penyata Kad, Pemegang Kad dianggap telah menyemak semua catatan dalam penyata tersebut.
- (b) Walau apapun yang tersyarat dalam (a) di atas, Bank boleh menggunakan budi bicaranya untuk tidak menghantar sebarang Penyata Kad jika:
  - i. tidak terdapat sebarang jumlah tertunggak yang perlu dibayar kepada Bank dan/atau tiada urusan niaga bagi bulan berikut;
  - ii. Penyata Kad yang dihantar ke alamat terakhir Pemegang Kad yang diketahui dipulangkan kepada Bank selama tiga (3) bulan berturut-turut; dan/atau
  - iii. dalam keadaan di mana tidak ada pembayaran ke dalam Akaun Kad yang membawa kepada pembatalan Kad.
- (c) Pemegang Kad mesti membuat laporan secara bertulis kepada pihak Bank untuk memaklumkan sebarang kesilapan dalam Penyata Kad dalam masa empat belas (14) hari kalendar dari tarikh penerimaan atau Penyata Kad adalah dianggap telah diterima. Jika pihak Bank tidak menerima pemberitahuan bertulis daripada Pemegang Kad dalam masa empat belas (14) hari kalendar yang tersebut bagi sebarang kesilapan dalam Penyata Kad, maka Pemegang Kad dianggap telah menerima catatan dalam penyata yang dibuat sehingga tarikh catatan terakhir dalam penyata sebagai betul dan sebagai bukti mutakhir dan muktamad bagi fakta yang terkandung dalam Penyata.
- (d) Penyata Kad akan dianggap sebagai muktamad dan mengikat Pemegang Kad/wakil Pemegang Kad/ pengganti Pemegang Kad yang sah di sisi undang-undang dan Pemegang Kad tidak boleh membuat sebarang tuntutan terhadap Bank dengan mendakwa bahawa Penyata Kad mengandungi sebarang kesilapan. Sebagai pengelakan keraguan, bukti penghantaran pemberitahuan bertulis kepada Bank bukan suatu bukti penerimaan pemberitahuan bertulis oleh Bank jika Bank tidak menerima pemberitahuan bertulis Pemegang Kad.

##### 4.2. Membuat bayaran

- (a) Selepas menerima Penyata Kad, Pemegang Kad perlu membayar baki tertunggak atau Jumlah Minimum Perlu Dibayar kepada Akaun Kad pada atau sebelum Tarikh Matang Pembayaran seperti yang dinyatakan dalam Penyata Kad.
- (b) Jika Pemegang Kad gagal untuk membuat bayaran menurut **Klausula 4.2 (a)** di atas, Bank berhak untuk mengenakan caj ke atas Pemegang Kad dan Pemegang Kad bertanggungjawab untuk membayar caj yang berkenaan seperti yang ditetapkan di bawah **Klausula 5** Perjanjian ini.
- (c) Jika Pemegang Kad mempunyai lebih daripada satu Kad yang dikeluarkan di bawah Akaun Kad, Pemegang Kad perlu membuat bayaran kepada setiap Kad masing-masing. Di mana terdapat Kad Tambahan, pembayaran perlu dibuat secara berasingan bagi Kad Utama dan Kad Tambahan

- mengikut nombor Kad dan jumlah kena bayar Kad masing-masing. Caj bayaran lewat akan dikenakan ke atas Kad dengan sebarang jumlah tertunggak yang belum dibayar.
- (d) Semua bayaran kepada Akaun Kad hendaklah dan mesti dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM). Sebarang bayaran oleh atau daripada Pemegang Kad tidak akan dianggap telah dibuat sehingga semua bayaran yang berkaitan telah diterima nilainya oleh Bank. Bagi sebarang bayaran yang dibuat menerusi cek luar, bayaran hendaklah termasuk komisen bank (di mana terpakai). Bank berhak untuk mendebitkan jumlah komisen daripada Akaun Kad sekiranya Pemegang Kad gagal memasukkannya dalam bayaran.
  - (e) Bayaran yang dibuat oleh Pemegang Kad ke Akaun Kad akan digunakan untuk membayar sebarang Cukai dan Cukai Perkhidmatan Kad terlebih dahulu, diikuti dengan Pendahuluan Tunai, QuickCash, Ansuran Bulanan dan baki berkitar yang mengambil kira kadar faedah tertinggi ke kadar faedah terendah (dan jika terdapat kadar faedah yang sama, turutan akan bermula daripada tarikh transaksi terawal ke tarikh terkini). Pembayaran yang diterima akan digunakan untuk penyelesaian caj (atau faedah) kewangan tertunggak diikuti dengan caj, yuran dan baki prinsipal tertunggak.
  - (f) Jika Pemegang Kad telah menjelaskan sepenuhnya baki tertunggak bulan sebelumnya atau pada Tarikh Matang Pembayaran yang berkenaan (seperti yang dicatatkan dalam Penyata Kad bulan semasa), Pemegang Kad akan menikmati manfaat Tempoh Tanpa Faedah pada bulan semasa untuk urus niaga runcit baru yang dicatatkan ke dalam Penyata Kad bulan semasa. Jika Pemegang Kad memilih untuk membayar sebahagian daripada jumlah baki tertunggak atau Jumlah Minimum Perlu Dibayar daripada Penyata Kad sebelumnya, faedah atas urus niaga runcit dalam bulan semasa akan dikira dari tarikh urus niaga tersebut dicatatkan pada Akaun Kad.
  - (g) Jika Pemegang Kad membayar Bank jumlah yang melebihi jumlah baki tertunggak ("Prabayaran"), Bank berhak untuk mengesahkan sumber dana Prabayar sehingga ia berpuas hati sebelum menggunakan jumlah Prabayaran tersebut terhadap urus niaga runcit baru yang dicatatkan dengan penggunaan Kad tersebut. Sementara mendapatkan pengesahan sumber dana, Bank boleh menggantung penggunaan Kad seperti yang ditetapkan di bawah **Klausula 8** dan/atau menolak sebarang urus niaga yang cuba dilaksanakan menerusi Kad selepas Prabayaran dibuat.
  - (h) Sebarang tuntutan, kesilapan atau ketidaktepatan, jika terbukti, akan diselaraskan dan dipaparkan di dalam Penyata Kad yang akan datang atau seterusnya.

## 5. Yuran dan Caj

### 5.1. Pembayaran yuran dan caj

- (a) Bank akan mendebitkan yuran dan caj berikut (yang mana berkenaan) daripada Akaun Kad:
  - i. *Yuran tahunan*. Ini merupakan yuran tahunan bagi Kad dan Kad Tambahan yang dikeluarkan atau diperbaharui, dan boleh diubah oleh Bank dari masa ke masa.
  - ii. *Cukai perkhidmatan kad kredit*. Ia adalah caj untuk cukai perkhidmatan (atau cukai lain yang berkaitan) yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa berkenaan.
  - iii. *Caj Faedah*. Ini merupakan caj kewangan ke atas baki tertunggak di dalam Akaun Kad. Caj ini adalah berasaskan kadar tentuan yang dikira atas dasar baki harian mengikut rekod pembayaran Pemegang Kad di bawah 3 senario ("Caj Kewangan Bertingkat") seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Yuran & Caj dibawah **Lampiran 1**. Caj Kewangan Bertingkat terpakai untuk semua kecuali: (1) Pendahuluan Tunai (2) Program QuickCash (3) Caj Bayaran Lewat.
  - iv. *Caj bayaran lewat*. Ini merupakan caj bagi pembayaran lewat baki tertunggak yang belum dibayar. Yuran ini akan dicajkan pada kadar atau jumlah minimum yang ditentukan oleh Bank (yang mana lebih tinggi) sehingga ke jumlah maksimum yang ditetapkan oleh Bank dan ia akan dikenakan selepas Tarikh Matang Pembayaran.  
Di dalam keadaan di mana Kad dibatalkan, caj bayaran lewat akan terus dikenakan selagi terdapat baki tertunggak yang belum dibayar dan perlu dibayar. Dalam keadaan tersebut, kadar maksimum bagi pembayaran lewat baki tertunggak yang dicajkan sebelum pembatalan tidak akan terpakai.
  - v. *Caj Lebihan Had*. Ini merupakan yuran bagi Perkhidmatan Lebihan Had yang disediakan menurut **Klausula 1.2**. Yuran ini akan dikenakan pada kadar yang ditentukan ke atas jumlah yang melebihi Had Kredit yang ditetapkan atau jumlah minimum (yang mana lebih tinggi) jika Had Kredit diatasi.
  - vi. *Yuran Pendahuluan Tunai*. Ini merupakan yuran bagi Pendahuluan Tunai menurut **Klausula 3.2**. Yuran ini akan dikenakan atas sebarang jumlah yang dikeluarkan pada kadar atau jumlah minimum yang ditetapkan oleh Bank (yang mana lebih tinggi), dan akan didebitkan daripada Akaun Kad pada tarikh catatan bagi Pendahuluan Tunai tersebut.  
*Caj Faedah Pendahuluan Tunai* Di samping yuran Pendahuluan Tunai, caj faedah bulanan pada kadar tentuan Bank yang dikira atas baki harian akan dikenakan atas Amaun Pendahuluan Tunai dari tarikh Pendahuluan Tunai dibuat sehinggalah bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad.  
Tunai atau cip perjudian yang diperolehi daripada kasino atau sebarang bentuk urus niaga atau urusan perjudian lain yang menggunakan Kad akan dianggap sebagai Pendahuluan Tunai dan tertakluk kepada yuran Pendahuluan Tunai dan caj faedah Pendahuluan Tunai.
  - vii. *Yuran permintaan Penyata Kad Tambahan*. Ini merupakan yuran perkhidmatan bagi sebarang permintaan untuk salinan Penyata Kad atau untuk salinan lanjutan bagi Penyata Kad yang sama.

- viii. *Yuran penggantian Kad*. Ini merupakan yuran perkhidmatan bagi sebarang Kad gantian yang dikeluarkan di bawah Akaun Kad atas permohonan Pemegang Kad akibat kehilangan, kerosakan atau atas sebab lain untuk menggantikan kad.
  - ix. *Yuran ciri pilihan (jika terpakai)*. Ini merupakan yuran yang timbul daripada sebarang ciri pilihan yang diberikan di bawah Kad menurut **Klausu 6(b)**. Yuran ini akan dikenakan ke atas Akaun Kad berasaskan ciri khusus yang didaftarkan oleh Pemegang Kad. Yuran yang dikenakan adalah berbeza mengikut jenis ciri, dan dicajkan secara tahunan dan dibeitikan daripada Akaun Kad semasa pendaftaran.
  - x. *Caj faedah pindahan baki*. Terpakai bagi program pindahan baki Bank, ini merupakan suatu caj faedah atas sebarang transaksi pindahan baki pada kadar tentuan Bank yang dikira atas baki harian dari luputnya Tempoh Kadar Faedah Khas yang dikhususkan di bawah program ini, dan akan dicajkan sehingga pembayaran penuh diterima dan dikredit ke dalam Akaun Kad.
  - xi. *Yuran guaman, kos dan/atau perbelanjaan guaman yang berkaitan*. Ini merupakan caj yang dikenakan oleh Bank bagi perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Bank sekiranya Bank menguatkuasakan haknya di bawah Perjanjian ini untuk memperoleh kembali semua atau sebahagian daripada wang yang dihutang oleh Pemegang Kad kepada Bank dalam Akaun Kad.
  - xii. *Caj Kewangan QuickCash*. Sekiranya amaun ansuran prinsipal bulanan dan amaun ansuran faedah bulanan tidak dibayar sepenuhnya pada tarikh matang pembayaran, Pemegang Kad akan bertanggungjawab ke atas caj kewangan yang dikira berdasarkan baki harian atas baki tertunggak.
- (b) Sekiranya berlaku pembatalan Kad atau penamatan Perjanjian ini sama ada oleh Bank atau Pemegang Kad, tiada pemulangan yuran tahunan, cukai perkhidmatan atau sebarang yuran atau caj lain yang dikenakan (atau mana-mana bahagiannya) akan dibuat oleh Bank kepada Pemegang Kad.
- 5.2. Perubahan kepada yuran dan caj
- (a) Jumlah yuran, kadar, cukai atau caj yang disebutkan di atas adalah dinyatakan dalam Jadual Yuran & Caj di dalam **Lampiran 1** kepada Perjanjian ini.
  - (b) Yuran, kadar, cukai atau caj di atas boleh diubah dan dikenakan pada bila-bila masa dan/atau dari masa ke masa atas budi bicara Bank dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu. Pemegang Kad adalah bertanggungjawab untuk menyemak yuran, kadar, cukai dan caj terkini di laman web rasmi Bank atau menerusi Pusat Kad Bank.

## 6. Manfaat dan Keistimewaan Kad

- (a) Kad mungkin menyediakan program yang merangkumi ganjaran, tawaran dan promosi, yang akan melibatkan Pedagang dan Rakan Niaga Bank. Bagi Kad yang menyediakan program ganjaran, terma dan syarat program dinyatakan dalam **Lampiran 2** kepada Perjanjian ini.
- (b) Bagi suatu Kad terpilih atau khas, Kad tersebut mungkin menawarkan ciri pilihan yang mana Pemegang Kad boleh mendaftar untuk semua atau mana-mana ciri yang disediakan, tertakluk kepada yuran ciri Pilihan yang terpakai menurut **Klausu 5**. Pemegang Kad akan terikat kepada terma dan syarat tambahan berdasarkan ciri pilihan tersebut seperti yang terkandung dalam dokumen lampiran tambahan berasingan atau dokumen tambahan bagi Kad terpilih atau khas, yang juga boleh disediakan di [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my).

## 7. Keselamatan Kad & PIN dan Kad Yang Hilang/Dicuri

- 7.1. Maklumat yang disediakan dan dikemaskinikan oleh Pemegang Kad
- (a) Bagi tujuan Bank dalam menguruskan dan menyelenggarakan Akaun Kad, penggunaan Kad dan penghantaran PIN dan Penyata Kad, Pemegang Kad hendaklah memastikan bahawa semua maklumat yang diberikan oleh Pemegang Kad kepada Bank (termasuk bagi pihak Pemegang Kad Tambahan, sekiranya terpakai) adalah tepat, terkini dan dikendalikan dengan cara yang selamat dan terlindung.
  - (b) Pemegang Kad hendaklah mengemaskinikan butiran peribadinya atas permintaan Bank untuk tujuan rekod, pengesahan dan keselamatan Bank dari masa ke masa.
  - (c) Pemegang Kad hendaklah memaklumkan Bank secara bertulis atau menghubungi Pusat Perhubungan Bank tentang sebarang perubahan alamat kediaman, nombor telefon atau pertukaran pekerjaan atau perniagaan dan Bank akan membuat perubahan tersebut dalam masa dua puluh satu (21) hari perniagaan selepas makluman tersebut.
- 7.2. Penyalahgunaan Kad dan Pendedahan PIN
- (a) Jika Kad atau butiran Kad dan/atau PIN telah diperolehi oleh pihak ketiga dengan keizinan Pemegang Kad atau Pemegang Kad Tambahan, Pemegang Kad dan/atau Pemegang Kad Tambahan hendaklah bertanggungjawab terhadap penggunaan Kad oleh pihak ketiga tersebut atau sesiapa sahaja, walaupun jika Pemegang Kad atau Pemegang Kad Tambahan tidak membenarkan urusan niaga tersebut, sehingga Bank menerima pemberitahuan dan arahan daripada Pemegang Kad dan/atau Pemegang Kad Tambahan untuk menggantung dan/atau membatalkan penggunaannya.
  - (b) PIN hendaklah dianggap sebagai maklumat sulit dan disimpan rapi oleh Pemegang Kad dan tidak harus didedahkan kepada sesiapa sahaja dalam apa jua keadaan atau untuk apa jua sebab. Pemegang Kad hendaklah:
    - i. memusnahkan sebarang makluman pemberitahuan/surat PIN;



- ii. tidak menyimpan sebarang rekod bertulis PIN bersama atau berhampiran Kad;
- iii. tidak memaparkan atau membenarkan orang lain untuk melihat PIN semasa memasukkan PIN;
- iv. tidak memilih PIN atau menggunakan PIN secara cuai atau melulu yang akan menyebabkan atau menimbulkan kerugian daripada sebarang urusan niaga tidak sah daripada penggunaan Kad oleh mana-mana pihak ketiga;
- v. anda dinasihati untuk tidak menggunakan tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor mudah alih sebagai PIN;
- vi. memaklumkan Bank dengan segera selepas menerima makluman transaksi SMS jika transaksi tidak dibenarkan; dan
- vii. memaklumkan Bank dengan segera selepas mengetahui bahawa PIN digunakan atau diketahui oleh orang lain.

### 7.3. Kehilangan atau Kecurian Kad

- (a) Pemegang Kad perlu mengambil segala langkah berhati-hati secara munasabah dan berjaga-jaga untuk mencegah kehilangan atau kecurian Kad.
- (b) Pemegang Kad mempunyai obligasi untuk memaklumkan Bank, atau jika di luar Malaysia, untuk memaklumkan mana-mana institusi ahli Mastercard International, UnionPay International dan/atau Visa International (yang mana terpakai) serta-merta untuk mengesahkan secara bertulis jika Kad hilang atau dicuri. Pemegang Kad perlu membuat laporan polis dengan serta-merta dan mengemukakan salinan laporan kepada Bank.
- (c) Jika Kad yang dilaporkan hilang/dicuri diperolehi kembali, Pemegang Kad hendaklah memulangkan Kad yang dipotong dua dan ditebuk lubang pada bahagian cip kepada Bank serta-merta setelah memperolehi Kad kembali.
- (d) Bagi sebarang transaksi tanpa kebenaran yang telah dibuat dengan menggunakan Kad Pemegang Kad yang telah hilang atau dicuri, Pemegang Kad boleh dipertanggungjawabkan untuk membayar jumlah urusan niaga seperti berikut:
  - i. sehingga Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250), sekiranya Pemegang Kad tidak melakukan penipuan atau tidak didapati gagal dalam memaklumkan Bank secepat mungkin selepas mengetahui tentang kehilangan atau kecurian Kad; atau
  - ii. sehingga jumlah penuh atau maksimum urusan niaga, sekiranya didapati dan terbukti bahawa Pemegang Kad telah melakukan penipuan atau gagal dalam memaklumkan Bank secepat mungkin selepas mengetahui tentang kehilangan atau kecurian Kad.
- (e) Pemegang Kad adalah bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang disebabkan oleh sebarang tindakan penipuan yang dilakukan oleh atau berpunca daripada Pemegang Kad dan salah guna Kad oleh Pemegang Kad menurut **Klausula 7.2**.
- (f) Bagi tujuan mencegah penipuan dan jenayah di dalam keadaan tersebut, Bank berhak untuk menolak sebarang urusan niaga yang dibuat menggunakan Kad pada bila-bila masa. Untuk tujuan terutama mencegah jenayah dan penipuan dan di dalam keadaan ini, pihak Bank berhak untuk menolak sebarang transaksi yang dicaj menggunakan Kad tersebut pada bila-bila masa. Pihak Bank mungkin (tetapi tidak semestinya) menghubungi Pemegang Kad untuk menyemak samada transaksi-transaksi telah disahkan dengan betul untuk Kad tersebut bagi mencegah penipuan dan jenayah. Bank juga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian (termasuk kehilangan reputasi) atau ganti rugi dalam apa jua bentuk dan punca kejadian hasil daripada tindakan Bank dalam melaksanakan haknya untuk tujuan dan di bawah keadaan tersebut.

## 8. Penggantungan dan Pembatalan Kad

### 8.1. Penggantungan dan Pembatalan Kad oleh Bank

- (a) Bank boleh menggantung Kad (menarik balik hak Pemegang Kad untuk menggunakan Kad secara sementara) atau membatalkan Kad (menamatkan penggunaan Kad dan Perjanjian ini dengan Pemegang Kad) di bawah Akaun Kad pada bila-bila masa atas budi bicaranya atau selepas berlaku mana-mana kejadian berikut, dengan atau tanpa notis terlebih dahulu:
  - i. jika Pemegang Kad gagal melaksanakan dan/atau mematuhi mana-mana terma dan syarat Perjanjian ini;
  - ii. jika Pemegang Kad:
    - mengendalikan Akaun Kad dengan cara yang tidak wajar atau kurang memuaskan;
    - mengendalikan akaun bank beliau yang lain bersama Bank dengan cara tidak wajar atau kurang memuaskan;
    - mengendalikan mana-mana kemudahan kad atau akaun bank yang mungkin dimiliki oleh Pemegang Kad dengan institusi kewangan lain dengan cara yang tidak wajar atau kurang memuaskan;
    - melakukan atau mengancam untuk melakukan keingkaran terhadap mana-mana peruntukan perjanjian dan/atau dokumen sekuriti (termasuk perjanjian penyelesaian) di bawah mana-mana produk/perkhidmatan Bank atau Kumpulan AmBank atau berhubung dengan akaun atau kemudahan pembiayaan lain yang diberikan oleh Bank di bawah Kumpulan AmBank atau mana-mana institusi kewangan lain kepada Pemegang Kad (atau kepada mana-mana pihak lain di mana Pemegang Kad merupakan penjamin atau penggadai atau penyerah hak).

- iii. jika Pemegang Kad gagal membayar sebarang hutang tertunggak atau hutang lain kepada Bank atau kepada Kumpulan AmBank di bawah mana-mana produk/perkhidmatannya atau berkaitan dengan akaun atau kemudahan pembiayaan lain apabila matang;
  - iv. jika Pemegang Kad menjadi mufliis atau mengambil tindakan yang menyebabkan kebangkrupan;
  - v. jika sebarang perintah undang-undang atau keputusan penghakiman dibuat oleh mana-mana mahkamah undang-undang atau badan kehakiman ke atas atau terhadap Pemegang Kad dalam sebarang tindakan atau prosiding undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada permohonan untuk sebarang bentuk pelaksanaan di bawah apa jua tuntutan atau di bawah apa-apa remedi undang-undang atau keadilan (sama ada atas dasarsementara atau sebaliknya);
  - vi. jika berlaku kejadian atau timbulnya suatu keadaan yang boleh menjejaskan keupayaan Pemegang Kad untuk melaksanakan kewajibannya di bawah Perjanjian ini atau menjejaskan pembayaran balik jumlah tertunggak atau Jumlah Minimum Perlu dibayar kepada Bank di bawah Akaun Kad;
  - vii. jika Pemegang Kad meninggal dunia; dan/atau
  - viii. jika Kad atau PIN telah digunakan untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- (b) Sebagai lanjutan kepada **Klausu 8.1 (a)** di atas, sebarang penggantungan atau pembatalan Kad oleh Bank
- i. jika dimaklumkan atau dimaklumkan kemudian kepada Pemegang Kad, tidak memerlukan atau mewajibkan Bank untuk memberikan apa jua sebab;
  - ii. jika dikuatkuasakan ke atas Pemegang Kad Utama, maka ia juga berkuatakuasa ke atas Pemegang Kad Tambahan;
  - iii. jika disebabkan kematian Pemegang Kad yang telah dimaklumkan atau diberitahu oleh pihak lain, adalah tertakluk kepada proses pengesahan Bank, termasuk penerimaan bukti kematian oleh Bank;
  - iv. akan menjejaskan kad lain yang sedia ada atau aktif lain di bawah mana-mana kemudahan kad yang diberikan oleh Bank atau di bawah Kumpulan AmBank kepada Pemegang Kad dan/atau Pemegang Kad Tambahan; dan/atau
  - v. tidak akan menjejaskan sebarang haklain Bank di bawah Perjanjian ini.
- 8.2. Pembatalan Kad oleh Pemegang Kad
- Pemegang Kad boleh menamatkan Perjanjian ini untuk membatalkan Kad (dan Kad Tambahan jika ada) dengan memberikan arahan secara lisan menerusi Pusat Perhubungan Bank, tertakluk kepada proses pengesahan Bank. Bagaimanapun, Bank berhak untuk meminta notis atau pengesahan bertulis penamatan tersebut dan/atau pengembalian Kad yang dipotong dua kepada Pusat Kad Bank sebelum pembatalan berkuatakuasa. Pemegang Kad mempunyai obligasi untuk menjelaskan semua jumlah tertunggak atau baki belum dibayar di bawah Akaun Kad.
- 8.3. Hak Bank selepas Pembatalan Kad
- (a) Selepas Kad dibatalkan sama ada oleh Bank atau Pemegang Kad, semua wang yang dihutang kepada Bank menjadi matang dan perlu dibayar dengan serta-merta. Pemegang Kad perlu menjelaskan sepenuhnya kesemua wang yang dihutang dan tertunggak di bawah Akaun Kad atas permintaan Bank. Kegagalan untuk berbuat demikian memberi hak kepada Bank untuk mengambil tindakan pada bila-bila masa yang dianggap perlu untuk mendapatkan kembali wang tersebut, bersama dengan yuran dan caj menurut **Klausu 5**. Kegagalan bertindak atau kelewatan di pihak Bank tidak boleh dianggap sebagai penepian hak Bank untuk melaksanakan haknya di bawah Perjanjian ini.
  - (b) Sebagai lanjutan kepada perenggan **Klausu 8.3 (a)** di atas, Bank juga berhak untuk:
    - i. menutup Akaun Kad;
    - ii. menggantung atau membatalkan sebarang kemudahan kad lain yang sedia ada atau aktif yang diberikan oleh Bank atau di bawah Kumpulan AmBank kepada Pemegang Kad atau Pemegang Kad Tambahan selagi terdapat hutang tertunggak belum dibayar daripada Kad yang dibatalkan atau di bawah Akaun Kad;
    - iii. untuk melaksanakan hak untuk menolak selesai hutang menurut **Klausu 11 (h)**; dan/atau
    - iv. untuk memaparkan Nombor Kad pada Buletin Pembatalan dan mengedarkannya kepada semua Pedagang dan/atau Bank Ahli Mastercard/UnionPay/Visa.

## 9. Pendedahan Maklumat & Dasar Privasi

### 9.1. Pendedahan Maklumat Pemegang Kad

- (a) Pemegang Kad memberikan persetujuan kepada Bank untuk mendedahkan, atas budi bicara Bank, semua maklumat dan dokumen berkaitan Perjanjian ini, serta tingkah laku dan hal-ehwal Pemegang Kad berkaitan dengan Akaun Kad (secara kolektif "Maklumat Pemegang Kad") kepada/untuk:
  - i. mana-mana syarikat di dalam Kumpulan AmBank, ejen, pekerja dan/atau sekutunya atau orang yang dianggap perlu oleh Bank untuk tujuan yang dianggap wajar di bawah Perjanjian ini, termasuk tetapi tidak terhad:
    - untuk menyelaraskan pelaksanaan dan fungsi Bank dan Kumpulan AmBank;
    - untuk mencegah jenayah dan untuk audit, kutipan hutang dan tujuan pemrosesan perkhidmatan;

- . untuk menyasat, melaporkan dan mencegah sebarang perubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan aktiviti jenayah secara umum;
  - ii. mana-mana Pedagang, Bank Ahli Mastercard/UnionPay/Visa, Mastercard/UnionPay/Visa dan mana-mana institusi ahli Mastercard/UnionPay/Visa yang menerima Kad;
  - iii. mana-mana pihak berkuasa dan pengawalselia yang bertindak di bawah kuasa yang diberi di bawah sebarang undang-undang yang berkuat kuasa;
  - iv. waris kadim/pentadbir/wasi/benefisiari Pemegang Kad yang meninggal dunia atau peguam yang bertindak bagi pihak mereka dengan tujuan memohon perintah mahkamah/ yang telah memohon perintah mahkamah berkaitan aset Pemegang Kad yang meninggal dunia;
  - v. mana-mana penanggung insurans, broker dan/atau pentaksir kerugian di bawah sebarang tuntutan yang dibuat oleh Bank di bawah polisi insurans sedemikian berkaitan dengan Pemegang Kad atau berhubung dengan Kad atau kemudahan kad;
  - vi. untuk tujuan sebarang saman/prosiding undang-undang yang difailkan terhadap Bank oleh mana-mana pihak ketiga berhubung dengan Perjanjian ini/Pemegang Kad;
  - vii. untuk tujuan sebarang saman/prosiding undang-undang yang difailkan oleh Bank terhadap mana-mana pihak ketiga untuk mendapatkan kembali kerugian di bawah Perjanjian/daripada Pemegang Kad;
  - viii. polis/pihak berkuasa penyasat lain, untuk tujuan penyasatan mereka terhadap sebarang jenayah (termasuk sebarang kegiatan perubahan wang dan pembiayaan keganasan) sama ada dilakukan oleh Pemegang Kad atau selainnya;
  - ix. polis/pihak berkuasa penyasatan lain untuk tujuan membolehkan laporan yang berkenaan dibuat oleh Bank dan untuk menjalankan penyasatan berhubung dengan laporan tersebut sekiranya Bank berpendapat bahawa jenayah telah dilakukan/untuk mencegah menebus kerugian yang ditanggung oleh Bank/untuk tujuan mencegah jenayah;
  - x. mana-mana pihak yang pada masa depan boleh menyuarakan hasrat untuk memperolehi kepentingan/pegangan saham dalam Bank/menurut sebarang cadangan pengaturan, penyusunan, penggabungan, pemerolehan/penyusunan semula antara Bank dan pihak tersebut;
  - xi. penasihat profesional luar bagi pihak Bank dan Kumpulan AmBank; dan/atau
  - xii. sebarang tujuan lain yang ditetapkan oleh atau yang mematuhi undang-undang dan peraturan.
- (b) Sekiranya terdapat sebarang prosiding undang-undang yang dimulakan oleh Bank terhadap Pemegang Kad di bawah Perjanjian ini untuk tujuan mengutip hutang, Pemegang Kad memberikan persetujuan kepada Bank untuk mendedahkan butiran, maklumat berkaitan dengan Pemegang Kad dan kertas tujuan prosiding undang-undang tersebut kepada mana-mana agensi pelaporan kredit di Malaysia.

## 9.2. Privasi

- (a) Pemegang Kad adalah diingatkan untuk membaca dan memahami Notis Peribadi Kumpulan AmBank (yang boleh didapati di [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my)) dan klausa-klausa yang terkandung, yang mungkin berkaitan dengan pemrosesan maklumat peribadi pemohon. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Pemegang Kad bersetuju bahawa Notis Peribadi tersebut akan dianggap telah diperbadankan melalui rujukan ke dalam Perjanjian ini.
- (b) Sekiranya Pemegang Kad memberikan maklumat peribadi dan/atau kewangan berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat berkaitan dengan waris kadim, tanggungan, pengarah, pemegang saham, pegawai dan penyedia perkhidmatan untuk tujuan membuka atau mengendalikan Kad dengan Bank atau melanggan produk dan perkhidmatan Bank, maka Pemegang Kad
- i. mengesahkan bahawa Pemegang Kad telah mendapat persetujuan mereka atau selainnya berhak untuk memberikan maklumat kepada Bank dan Bank boleh menggunakannya menurut Perjanjian ini dan untuk menyediakan memberikan maklumat tentang produk, perkhidmatan dan/atau tawaran Bank (termasuk produk, perkhidmatan dan tawaran entiti lain di dalam Kumpulan AmBank) yang dianggap oleh Bank dan/atau Kumpulan AmBank mungkin menarik minat atau membawa manfaat kepada mereka;
  - ii. bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat;
  - iii. bersetuju untuk mengemaskinikan maklumat peribadi dan kewangan tersebut dan memaklumkan Bank secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan ketara; dan
  - iv. bersetuju dengan hak Bank untuk menamatkan Kad sekiranya persetujuan tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.
- (c) Apabila Pemegang Kad memberi arahan kepada Bank untuk melaksanakan sebarang urusan niaga rentas sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima bayaran), butiran urusan niaga rentas sempadan yang berkenaan (termasuk maklumat berkaitan dengan mereka yang terlibat dalam urusan niaga tersebut) boleh diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh ejen Bank di luar negara, pihak kawal selia asing dan/atau pihak berkuasa berhubung dengan tugas sah mereka (contohnya pencegahan jenayah). Dalam menyampaikan arahan kepada Bank dan/atau ejen kami untuk menjalankan sebarang urusan niaga rentas sempadan bagi pihak Pemegang Kad, Pemegang Kad bersetuju dengan pendedahan yang dinyatakan di atas bagi pihak Pemegang Kad dan pihak lain yang terlibat dalam urusan niaga rentas sempadan tersebut.

- (d) Di samping itu, dengan syarat ia mematuhi sebarang undang-undang, (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) yang berkuat kuasa ke atas Bank (sama ada di dalam atau di luar Malaysia), Pemegang Kad bersetuju bahawa syarikat lain di dalam Kumpulan AmBank, pedagang dan rakan strategik mereka boleh menghubungi Pemegang Kad berkaitan produk, perkhidmatan dan tawaran yang dianggap oleh Bank dan Kumpulan AmBank sebagai mungkin menarik minat atau membawa manfaat kepada Pemegang Kad.
- (e) Bank dan Kumpulan AmBank boleh berhubung dengan Pemegang Kad menerusi pelbagai saluran, termasuk telefon, e-mel, pesanan elektronik/mudah alih, faksimile atau pos berasaskan maklumat hubungan yang disediakan oleh Pemegang Kad.
- (f) Pemegang Kad boleh memaklumkan Bank pada bila-bila masa jika Pemegang Kad tidak mahu menerima sebarang komunikasi pemasaran daripada Bank, Kumpulan AmBank dan/atau pedagang dan rakan perniagaan mereka, dengan menghubungi Bank di pelbagai saluran di bawah:  
 Pegawai Perkhidmatan Pelanggan  
 Telefon : 03-2178 8888  
 E-mel : customercare@ambankgroup.com  
 Laman web : ambank.com.my
- (g) Arahan bertulis terkini Pemegang Kad kepada Bank akan diguna pakai. Pemegang Kad memperakui bahawa komunikasi tertentu seperti Penyata Kad dan laman web Kumpulan AmBank mungkin mengandungi maklumat piawai berkaitan produk dan perkhidmatan lain Bank dan Kumpulan AmBank yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan pelaksanaan/ operasi penyediaan Kad dan/atau tanpa kos tambahan kepada Pemegang Kad.
- (h) Bank boleh menggunakan agensi pelaporan kredit untuk membantu membuat keputusan, sebagai contoh apabila Bank perlu
  - i. menyemak butiran mengenai permohonan Kad, kemudahan kredit dan berkaitan kredit atau kemudahan lain yang disediakan kepada Pemegang Kad;
  - ii. menguruskan dan mengkaji menyemak Perjanjian ini atau Akaun Kad; dan/atau
  - iii. mengutip hutang yang ditanggung oleh Pemegang Kad.
- (i) Pemegang Kad akan dikaitkan oleh agensi pelaporan kredit dengan mana-mana nama lain yang digunakan atau pernah digunakan oleh Pemegang Kad, dan sebarang pemohon yang bersama dan berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang Pemegang Kad dan cara Pemegang Kad menguruskan Kad dengan agensi pelaporan kredit yang berkenaan.
- (j) Walaupun setelah Pemegang Kad memberikan maklumat kepada Bank, Pemegang Kad mempunyai pilihan untuk menarik balik persetujuan yang diberikan sebelum ini. Dalam keadaan tersebut, Bank berhak untuk tidak menyediakan atau menamatkan penyediaan Kad yang dikaitkan dengan maklumat tersebut.
- (k) Pihak Bank berhak untuk mengubah mana-mana klausa di bawah seksyen ini dari semasa ke semasa atas budi bicara Bank dengan memberi notis awal bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemegang Kad.
- (l) Bahagian ini tidak menjejaskan **Klausa 9(1)** yang memperuntukkan pendedahan maklumat.

## 10. Perubahan kepada Perjanjian ini

- (a) Bank berhak untuk meminda, menambah atau menggugurkan terma dan syarat Perjanjian ini dari masa ke masa dengan:
  - i. memaklumkan Pemegang Kad sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar lebih awal; dan
  - ii. memaklumkan dan menerbitkan terma dan syarat baru atau sebarang perubahan kepada Perjanjian ini sebelum tarikh kuat kuasa dengan sebarang cara yang dianggap wajar oleh Bank.
 Pemegang Kad perlu menyemak laman web rasmi Bank dari masa ke masa untuk maklumat terkini tentang terma dan syarat Perjanjian kerana sebarang perubahan kepada Perjanjian ini akan diterbitkan di laman web Bank.  
 Jika Pemegang Kad tidak bersetuju ke atas pindaan berkenaan, Pemegang Kad harus memaklumkan pihak Bank secara bertulis dalam tempoh masa notis bermula dari tarikh notis dikeluarkan kepada Pelanggan oleh pihak Bank dan membayar kesemua jumlah tunggakan dengan penuh. Jika Pemegang Kad bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat berkenaan dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari selepas notis dikeluarkan, Pemegang Kad akan dianggap telah menerima pindaan berikut ke atas Terma dan Syarat.
- (b) Pemegang Kad adalah terikat dengan sebarang perubahan kepada Perjanjian ini pada tarikh kuat kuasa yang dinyatakan dan dimaklumkan oleh Bank menurut perenggan (a) di atas. Jika Pemegang Kad tidak bersetuju dengan perubahan tersebut, Pemegang Kad berhak untuk menamatkan Perjanjian ini atau membatalkan Kad secara serta-merta menurut **Klausa 8.2** dan menjelaskan sepenuhnya semua jumlah tertunggak di bawah Akaun Kad menurut **Klausa 8.3 (a)**.
- (c) Penyimpanan Kad oleh Pemegang Kad (sama ada Kad digunakan atau tidak) selepas tarikh kuat kuasa sebarang perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dianggap sebagai penerimaan perubahan tersebut tanpa keraguan atau bantahan oleh Pemegang Kad.

## 11. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 Dan Akta Perdagangan Strategik 2010.

- 11.1. Pemegang Kad mengakui dan menjamin bahawa:

- (a) melainkan jika dan sehingga Pemegang Kad memberitahu Bank sebaliknya secara bertulis:
    - i. Pemegang Kad adalah prinsipal berhubung dengan kemudahan;
    - ii. tiada seorang pun selain daripada Pemegang Kad yang mempunyai atau akan mempunyai apa-apa kepentingan dalam kemudahan ini;
    - iii. kesemua wang yang akan dibayar kepada Bank, kesemua cagaran dan/atau jaminan yang memihak kepada Bank untuk mendapatkan kemudahan (jika ada) akan datang daripada sumber kegiatan yang sah dan bukannya aktiviti yang menyalahi undang-undang, seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram, 2001 ("AMLATFA") atau bertentangan dengan Akta Perdagangan Strategik 2010 ("STA").
  - (b) apabila diberitahu bahawa Pemegang Kad adalah perantara bagi orang lain:
    - i. Bank boleh meminta, dan Pemegang Kad bersetuju dan berjanji untuk memberikan pengesahan identiti benefisiari dan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Bank, termasuk namun tidak terhad kepada salinan yang diperakui sah bagi apa-apa kebenaran untuk bertindak atau dokumen yang boleh diminta bagi tujuan mengesahkan maklumat yang diberikan oleh Pemegang Kad, yang mana salinannya boleh disimpan oleh pihak Bank;
    - ii. the Pemegang Kad selanjutnya mengisytiharkan dan mengesahkan bahawa pemeriksaan "know-your-customer" yang diperlukan telah dijalankan termasuk namun tidak terhad kepada identiti, kewujudan, alamat dan jenis perniagaan benefisiari, ia disahkan oleh Pemegang Kad bahawa wang, dana atau cagaran adalah daripada sumber aktiviti yang sah dan bukannya aktiviti haram seperti yang ditakrifkan di bawah AMLATFA atau bertentangan dengan STA; dan
    - iii. selanjutnya dengan ini dipersetujui dengan jelas dan difahami bahawa peruntukan butir-butir benefisiari Pemegang Kad tidak akan menjadikan benefisiari sebagai Pemegang Kad Bank dan Bank berhak untuk menganggap Pemegang Kad sebagai prinsipal.
- 11.2. Sebagai tambahan kepada Klausula 11.1(a) dan (b) di sini, Pemegang Kad dengan ini bersetuju dan mengakui tanpa syarat bahawa:
- (a) pemegang Kad harus mendedahkan serta mengemukakan kepada Bank sebarang maklumat yang diperlukan atau dianggap patut dalam masa terdekat untuk memenuhi kehendak Bank dalam tempoh yang dinyatakan oleh pihak Bank, sama ada atau tidak untuk tujuan pematuhan undang-undang, peraturan, arahan dan garis panduan Bank Negara Malaysia ("BNM") dan/atau yang diberikan, dibuat atau ditetapkan oleh pihak Bank;
  - (b) dalam menunggu penerimaan maklumat oleh pihak Bank daripada Pemegang Kad, sehingga ianya diterima dan disahkan mengikut kehendak Bank dan/atau pihak berkuasa berkenaan, pihak Bank tidak berobligasi untuk meneruskan dengan sebarang transaksi atau pelepasan dana ataupun menerima sebarang wang, dana atau cagaran ("Aset"). Merujuk kepada Aset yang sudah berada dalam kawalan Bank, pihak Bank akan berhak (dan diberikuasa) untuk menahan Aset tersebut buat sementara waktu; apa-apa Aset yang diminta untuk dikembalikan kepada Pemegang Kad atau mana-mana pihak akan dikembalikan kepada Pemegang Kad dan mana-mana pihak setelah pihak Bank menerima notis pelepasan oleh pihak berkuasa yang berkenaan;
  - (c) pemegang Kad tidak akan menggunakan kemudahan tersebut untuk melakukan pengubahan wang haram atau melanggar sebarang undang-undang berkaitan pengubahan wang haram seperti yang termaktub dibawah AMLATFA atau bertentangan dengan STA; dan
  - (d) Pihak Bank atau syarikat-syarikat di dalam AmBank Group tidak akan, dalam apa jua keadaan, menanggung apa-apa kerugian yang berlaku secara langsung, tidak langsung, atau akibat daripada apa-apa sebab yang timbul atau yang disebabkan oleh pihak Bank dalam menunaikan tanggungjawabnya di bawah undang-undang pada masa ianya berkuatkuasa, terutamanya tetapi tidak terhad kepada tanggungjawab berkanun Bank di bawah AMLATFA atau STA.
- 11.3. Sekiranya pembayaran yang tertunggak oleh Pemegang Kad pada bila-bila masa atau daripada semasa ke semasa atau selepas Bank melepaskan dan membebaskan Pemegang Kad daripada obligasinya di bawah Perjanjian ini, didapati berpunca daripada suatu sumber haram berkaitan dengan aktiviti atau instrumen yang merupakan suatu kesalahan seperti yang ditakrifkan di bawah AMLATFA atau bertentangan dengan STA, Pemegang Kad bersetuju dan mengakui bahawa:
- (a) pelepasan dan pembebasan Pemegang Kad daripada obligasinya di bawah Perjanjian ini hendaklah secara automatik dianggap tidak sah daripada tarikh ia dibuktikan bahawa sumber pembayaran yang tertunggak tersebut adalah di dalam lingkungan AMLATFA atau bertentangan dengan STA dan Pemegang Kad hendaklah masih menanggung liabiliti kepada Bank di bawah terma Perjanjian ini walau apa jua pun sebarang dokumen yang dikeluarkan dan/atau disempurnakan oleh Bank untuk melepaskan dan membebaskan Pemegang Kad; dan
  - (b) Pemegang Kad hendaklah menanggung Bank terhadap apa-apa kerugian, kerosakan, kos, yuran dan caj yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada Pemegang Kad melanggar peruntukan di bawah AMLATFA dan/atau bertentangan dengan STA.

## 12. Syarat Am

- (a) Undang-undang - Perjanjian ini diurus tadbir oleh dan ditakrifkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa bukan eksklusif Mahkamah Malaysia.

- (b) Masa – Masa, di mana dinyatakan di bawah Perjanjian ini, menjadi asas Perjanjian ini.
- (c) Penepian – Kegagalan atau kelewatan bertindak oleh pihak Bank dalam melaksanakan mana-mana hak di bawah Perjanjian ini tidak boleh dianggap sebagai suatu penepian dan tidak akan menjejaskan hak-hak tersebut.
- (d) Pengekalan Hak dan Kelayakan – Segala hak dan kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini akan terus berkuatkuasa dan memberi kesan sepenuhnya dan tidak akan terjejas oleh sebarang pembatalan dan penggantungan oleh Bank
- (e) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 – Pemegang Kad (dan Pemegang Kad Tambahan jika ada) hendaklah menyatakan pada borang permohonan jika beliau merupakan pihak berkaitan menurut “Garis Panduan Urus Niaga Kredit dan Pendedahan dengan Pihak Berkaitan” berhubung dengan Seksyen 42 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Jika tiada kenyataan atau pengesahan diberikan pada borang permohonan, Pemegang Kad dan Pemegang Kad Tambahan hendaklah dianggap sebagai pihak tidak berkaitan.
- (f) Indemniti – Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan pihak Bank tidak melanggar Perjanjian ini atau didapati cuai, Pemegang Kad bersetuju untuk menanggung rugi Bank dari sebarang kerugian atau kerosakan, kos, perbelanjaan, yuran dan caj yang mungkin ditanggung oleh pihak Bank akibat pelanggaran terma dan syarat Perjanjian oleh Pemegang Kad (termasuk kos daripada penguatkuasaan terma dan syarat tersebut ke atas Pemegang Kad).
- (g) Force Majeure – Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad terhadap sebarang kerugian atau kos (termasuk kos kehilangan peluang perniagaan atau keuntungan) yang disebabkan oleh keadaan luar biasa dan tidak dapat dijangka di luar kawalan munasabah pihak Bank yang mana tidak dapat dielakkan termasuk bencana alam, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, kekacauan awam, tindakan pengganas, pertikaian perindustrian, kekacauan buruh, sekatan masuk kerja, kebakaran, kemalangan, kerosakan mesin, sistem pemrosesan data atau sambungan transmisi atau kegagalan sistem telekomunikasi, atau sebarang perkara di luar kawalan pihak Bank.
- (h) Hak untuk Menolak Selesai – Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank boleh pada bila-bila masa atas budi bicaranya melaksanakan hak untuk menolak selesai hutang dengan:
  - i. menggabungkan atau menyatukan semua akaun perbankan yang dimiliki oleh Pemegang Kad. Ini termasuk akaun atas nama Bank atau dipegang bersama oleh Pemegang Kad dengan pihak lain, di mana akaun bersama tersebut adalah di bawah nama Pemegang Kad (sama ada akaun semasa, deposit, pinjaman atau sebarang bentuk akaun lain dan sama ada tertakluk kepada notis atau dalam apa jua mata wang);
  - ii. memindahkan sebarang jumlah kredit bagi mana-mana akaun tersebut untuk atau demi menjelaskan semua liabiliti Pemegang Kad kepada bank, termasuk dan tidak terhad kepada penjelasan baki debit yang dihutang di bawah Akaun Kad;
  - iii. menggantung dan/atau melarang sebarang pengeluaran daripada akaun semasa dan deposit Pemegang Kad yang dikekalkan dengan Bank.

Bank hendaklah memberikan notis tujuh (7) hari kalendar kepada Pemegang Kad tentang hasratnya untuk melaksanakan haknya untuk menolak selesai hutang (termasuk memindahkan sebarang baki kredit dalam akaun semasa dan deposit untuk membayar baki debit Akaun Kad).
- (i) Alamat – Sebarang surat atau notis kepada Pemegang Kad hendaklah dihantar menerusi kiriman terus atau dihantar melalui pos berdaftar prabayar ke alamat Pemegang Kad yang dinyatakan dalam borang permohonan Kad atau ke sebarang alamat baru yang dimaklumkan oleh Pemegang Kad kepada Bank dari masa ke masa. Sebarang penghantaran melalui pos hendaklah dianggap diterima dengan sewajarnya oleh Pemegang Kad dalam masa lima (5) hari perniagaan selepas diposkan. Kegagalan Pemegang Kad untuk memaklumkan sebarang perubahan alamat yang menyebabkan kelewatan atau pemulangan Penyata Kad, surat dan notis tidak akan menjejaskan hak dan kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini.
- (j) Penyerahan Proses Undang-Undang – Pemegang Kad dengan ini bersetuju bahawa penyerahan sebarang Writ Saman atau proses undang-undang berkaitan dengan apa-apa tuntutan yang timbul atau berhubung dengan Perjanjian ini boleh dilaksanakan dengan mengemukakan satu salinan dokumen tersebut melalui pos berdaftar prabayar dan satu salinan dokumen sama melalui pos biasa ke alamat Pemegang Kad yang dinyatakan dalam borang permohonan Kad atau ke alamat yang dimaklumkan oleh Pemegang Kad kepada Bank dari masa ke masa.
- (k) Pelantikan Ejen – Bank berhak untuk melantik ejen pilihannya untuk mengutip semua dan apa-apa wang yang dihutang dan tertunggak kepada Bank di bawah Akaun Kad dan/atau yang timbul daripada tanggungan/ liabiliti Pemegang Kad di bawah Akaun Kad atau Perjanjian ini.
- (l) Akaun Tergantung – Bank akan menempatkan sebarang bayaran yang diterima di menurut Perjanjian ini dalam bahagian kredit akaun tergantung yang tidak dibayar faedah, jika perlu. Bank boleh menggunakan bayaran atau mana-mana bahagiannya untuk menjelaskan sebarang wang yang perlu dibayar, dihutang atau ditanggung oleh Pemegang Kad. Bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang tindakan undang-undang yang diambil terhadap Pemegang Kad seperti kebangkrapan atau kemufilsan, Bank mungkin bersetuju membuktikan atau bersetuju untuk menerima sebarang dividen atau skim penyusunan bagi keseluruhan atau sebahagian wang yang perlu dibayar, dihutang atau ditanggung oleh Pemegang Kad.
- (m) Sijil Keberhutangan – Sijil yang ditandatangani oleh pegawai Bank yang diberi kuasa bagi wang, yang pada masa tertentu, perlu dibayar dan terhutang kepada Bank oleh Pemegang Kad akan menjadi bukti dan keterangan muktamad bahawa jumlah tersebut perlu dibayar dan dihutang oleh Pemegang Kad kepada Bank, selagi tiada kesilapan nyata.

- (n) Kesan Mengikat – Obligasi Pemegang Kad akan mengikat terhadap waris dan wakil peribadi Pemegang Kad.
- (o) Penggabungan atau Pertukaran Pegangan Saham – Hak dan kewajipan yang diwujudkan di bawah Perjanjian ini akan terus sah dan mengikat untuk semua tujuan walau apa pun tidak kira apa-apa perubahan dari segi penyatuan, penyusunan semula, penggabungan, pengambilalihan atau perubahan pegangan saham sama ada di peringkat syarikat induk atau sebaliknya, yang mungkin dibuat kepada perlembagaan Bank.
- (p) Terjemahan – Versi Bahasa Melayu Perjanjian ini boleh didapati oleh Pemegang Kad di laman web Bank atau atas permintaan.
- (q) Pengemaskinian – Pemegang Kad perlu menyemak laman web Bank secara berkala untuk maklumat terkini terma dan syarat kerana sebarang perubahan atau pengemaskinian terma dan syarat yang diterbitkan di laman web Bank adalah mengikat terhadap Pemegang Kad.

Untuk sebarang bantuan, Pemegang Kad boleh menghubungi Pusat Perhubungan AmBank pada nombor berikut:  
Telefon : 03-2178 8888

#### **Talian Keutamaan untuk Pemegang Kad Premium**

(Kad Visa Infinite/World Mastercard/Visa Signature):

Telefon : 03-2178 8888

E-mel : [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)

**PERINGATAN:** Pemegang Kad adalah diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat Perjanjian ini sebelum menandatangani permohonan ini. Pemegang Kad adalah dinasihatkan untuk mendapatkan khidmat nasihat guaman bebas. Jika Pemegang Kad tidak memahami mana-mana terma dan syarat berkenaan, Pemegang Kad dinasihatkan untuk berbincang dengan mana-mana kakitangan atau wakil sah Bank.

## LAMPIRAN 1

(merujuk kepada Klausula 5.1(a) Perjanjian ini)

<b>JADUAL YURAN DAN CAJ</b> <b>Kad AmBank</b> : AmBank SIGNATURE Priority Banking, AmBank Visa Infinite, AmBank World Mastercard, AmBank Enrich Visa Infinite, AmBank Visa Signature, AmBank UnionPay Platinum, Kad AmBank Platinum & Emas, Kad CARz Platinum & Emas, AmBank Cosway Platinum & Emas Mastercard, AmBank BonusLink Visa Signature, AmBank BonusLink Visa Platinum, AmBank BonusLink Visa Gold, AmBank Enrich Visa Platinum, AmBank Cash Rebate Visa Platinum, Platinum & Emas <b>M-Card</b> : Kad AmBank M-Signature, Kad AmBank M-Platinum, Kad AmBank M-Gold <b>Lain-lain</b> : Kad Kredit TRUE by AmBank													
Perkara	Kad AmBank / M-Card / Kad Kredit Visa TRUE by AmBank (TRUE Card)												
Bayaran Bulanan Minimum	i. 5% daripada keseluruhan baki tertunggak* (jika ada); *baki tertunggak merujuk kepada transaksi runcit (jika ada) + Pendahuluan Tunai (jika ada) + caj dan fi kewangan (jika ada) ii. Cukai atau 100% Cukai Perkhidmatan Kad (jika ada); iii. 100% Ansuran Bulanan (jika ada) (termasuk ansuran bulanan untuk Tukaran Baki Automatik, Pemindahan Baki, QuickCash, Pelan Pembayaran Flexi, Pelan Pembayaran Mudah dan pelan-pelan ansuran lain yang ada dari semasa ke semasa); iv. 100% amaun lewat bayar (jika ada); v. 100% untuk semua amaun yang melebihi had (merujuk kepada amaun yang melebihi Had Kredit yang ditentukan atau Had Kredit yang diberikan) <b>ATAU</b> minimum RM50, yang mana lebih tinggi.												
Caj Kewangan Bertingkat* *Nota: Caj-caj dikenakan untuk semua kecuali Pendahuluan Tunai, Program QuickCash dan Caj Bayaran Lewat.	a) 1.25% sebulan atau 15% setahun sahaja jika anda telah menjelaskan Jumlah Minimum Perlu Dibayar tepat pada masanya untuk 12 bulan berturut-turut; b) 1.42% sebulan atau 17% setahun sahaja jika anda telah menjelaskan Jumlah Minimum Perlu Dibayar tepat pada masanya sekurang-kurangnya 10 bulan dalam kitaran 12 bulan; atau c) 1.5% sebulan atau 18% setahun jika rekod pembayaran anda tidak termasuk dalam (a) atau (b) di atas.												
	<b>Sah bagi Kad TRUE sahaja</b> a) Caj kewangan untuk Tahun Pertama ialah 7.99% setahun bagi semua Pemegang Kad. b) Caj kewangan untuk Tahun Kedua dan seterusnya ialah 1% sebulan atau 12% setahun sekiranya anda telah menjelaskan Jumlah Minimum Perlu Dibayar tepat pada masanya untuk sekurang-kurangnya 10 bulan dalam kitaran 12 bulan; atau c) Caj kewangan untuk Tahun Kedua dan seterusnya ialah 1.5% sebulan atau 18% setahun sekiranya anda tidak menjelaskan Jumlah Minimum Perlu Dibayar tepat pada masanya di bulan sebelumnya.												
Tempoh Tanpa Faedah	Dua puluh (20) hari kalendar dari tarikh penyata, dengan syarat tiada baki tertunggak dalam Akaun Kad (tidak berkenaan bagi Pendahuluan Tunai dan Pindahan Baki atau QuickCash).												
Caj Bayaran Lewat	1% daripada baki tertunggak atau sekurang-kurangnya RM10 (yang mana lebih tinggi) sehingga maksimum RM100. Keterangan: <table border="1" data-bbox="295 1410 943 1560"> <thead> <tr> <th>Senario</th> <th>1</th> <th>2</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Baki Tertunggak</td> <td>RM12,000</td> <td>RM800</td> </tr> <tr> <td>Caj Bayaran Lewat (1% x baki tertunggak)</td> <td>RM120</td> <td>RM8</td> </tr> <tr> <td>Caj Sebenar (Maks/Min)</td> <td>RM100</td> <td>RM10</td> </tr> </tbody> </table>	Senario	1	2	Baki Tertunggak	RM12,000	RM800	Caj Bayaran Lewat (1% x baki tertunggak)	RM120	RM8	Caj Sebenar (Maks/Min)	RM100	RM10
Senario	1	2											
Baki Tertunggak	RM12,000	RM800											
Caj Bayaran Lewat (1% x baki tertunggak)	RM120	RM8											
Caj Sebenar (Maks/Min)	RM100	RM10											
Caj Lebihan Had	2% daripada jumlah melebihi had Kad atau minimum RM50, yang mana lebih tinggi.												
Caj Faedah Pendahuluan Tunai/QuickCash	Caj kewangan pada kadar 1.5% sebulan atau 18% setahun berdasarkan kiraan atas baki harian akan dikenakan atas Amaun Pendahuluan Tunai dan/atau ansuran bulanan QuickCash dari tarikh Pendahuluan Tunai dibuat dan/atau ansuran bulanan QuickCash dibilkan sehingga bayaran penuh diterima dan dikreditkan ke dalam Akaun Kad.												
Pindahan Baki (selepas tamat Tempoh Kadar Faedah Khas)	Caj kewangan ke atas transaksi pindahan baki mengikut Caj Kewangan Bertingkat yang dikira atas baki harian dari tarikh tamat Tempoh Kadar Faedah Khas dan akan dicajkan sehingga bayaran penuh diterima dan dikredit ke dalam Akaun Kad.												
Yuran Penggantian Kad	RM25 setiap Kad												
Yuran Penjelasan Awal	<b>Bagi semua Kad Kredit AmBank (kecuali Kad TRUE, Kad AmBank BonusLink Visa dan M-Cards):</b> Bank berhak untuk mendebit RM100 (Pindahan Baki / QuickCash) dan RM50 (Pelan Bayaran Fleksi) dari akaun ahli kad bagi sebarang penjelasan awal sebelum tamat tempoh ansuran. <b>Bagi Kad TRUE, Kad AmBank BonusLink Visa dan M-Cards:</b> Tidak berkenaan												

Perhatian: Menurut Klausula 5.1 (a) Perjanjian ini, kandungan Jadual ini adalah tertakluk kepada perubahan dari masa ke masa dan sebarang perubahan akan dimaklumkan kepada pelanggan. Maklumat yang disediakan dalam Perjanjian ini sah pada 1 Julai 2024, untuk pindaan terkini, sila layari [ambank.com.my](http://ambank.com.my)



## LAMPIRAN 1.1

(merujuk kepada Klausu 5.1 (a) Perjanjian)

### JADUAL YURAN DAN CAJ

Perkara	AmBank (Kad AmBank SIGNATURE Priority Banking, AmBank Visa Infinite, AmBank World Mastercard, Kad AmBank Enrich Visa Infinite, AmBank Visa Signature, Kad AmBank Enrich Visa Platinum, Kad AmBank Cash Rebate Visa Platinum, AmBank UnionPay Platinum, Kad AmBank Platinum & Emas, Kad Platinum & Emas CARz, AmBank Cosway Platinum & Emas Mastercard)			Kad BonusLink Visa, M-Card dan TRUE (Kad AmBank BonusLink Visa Signature, AmBank BonusLink Visa Platinum & AmBank BonusLink Visa Gold, Kad AmBank M-Signature, Kad AmBank M-Platinum, Kad AmBank M-Gold and Kad TRUE)							
Yuran Tahunan	Jenis Kad	Kad Utama	Kad Tambahan	Jenis Kad	Kad Utama	Kad Tambahan					
	AmBank UnionPay Platinum	RM450.00	RM250.00	Signature	RM550.00	RM300.00					
	AmBank Enrich Visa Platinum	Percuma Seumur Hidup tanpa Syarat	Percuma Seumur Hidup tanpa Syarat	Platinum	RM450.00	RM250.00					
	AmBank Enrich Visa Infinite	RM500.00 Yuran Tahunan akan dikecualikan apabila memenuhi Jumlah Perbelanjaan Tahunan* yang berikut: <table border="1" style="margin: 5px auto; width: 80%;"> <tr> <td style="text-align: center;">Jumlah Perbelanjaan Tahunan*</td> <td style="text-align: center;">Pengecualian Yuran Tahunan</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">RM50,000.00 – RM99,999.99</td> <td style="text-align: center;">50%</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">RM100,000.00 &amp; ke atas</td> <td style="text-align: center;">100%</td> </tr> </table> *Jumlah Perbelanjaan Tahunan = Transaksi runcit 12 bulan yang terkumpul sebelum tarikh Yuran Tahunan Kad. Terpakai kepada gabungan jumlah perbelanjaan kedua-dua Kad Utama dan Tambahan	Jumlah Perbelanjaan Tahunan*	Pengecualian Yuran Tahunan	RM50,000.00 – RM99,999.99	50%	RM100,000.00 & ke atas	100%	Percuma Seumur Hidup tanpa Syarat		
	Jumlah Perbelanjaan Tahunan*	Pengecualian Yuran Tahunan									
RM50,000.00 – RM99,999.99	50%										
RM100,000.00 & ke atas	100%										
AmBank Cash Rebate	Percuma Seumur Hidup tanpa Syarat	Percuma Seumur Hidup tanpa Syarat	Emas	RM225.00	RM125.00						
AmBank CARz Emas, AmBank Cosway Emas, AmBank Emas		Percuma Seumur Hidup tanpa Syarat (untuk 3 Kad Tambahan pertama sahaja, Kad Tambahan ke-4 dan seterusnya adalah RM75)	Kad TRUE	Percuma Seumur Hidup tanpa Syarat	Percuma Seumur Hidup tanpa Syarat (untuk 3 Kad Tambahan pertama sahaja, Kad Tambahan ke-4 dan seterusnya adalah RM75)						
Semua Kad Kredit AmBank lain		Percuma Seumur Hidup tanpa Syarat (untuk 3 Kad Tambahan pertama sahaja, Kad Tambahan ke-4 dan seterusnya adalah RM188)									
Cukai Perkhidmatan Kad Kredit	RM25 bagi setiap Kad setiap tahun (Kad Utama dan Kad Tambahan)			RM25 bagi setiap Kad (Kad Utama dan Kad Tambahan)							
Yuran Pendahuluan Tunai	5% daripada jumlah yang dikeluarkan atau minimum RM50.00 yang mana lebih tinggi.			5% daripada jumlah yang dikeluarkan atau minimum RM15.00 yang mana lebih tinggi.							
Yuran Permintaan Salinan Penyata	RM5.00 setiap salinan (bagi permintaan pertama) RM10.00 setiap salinan (bagi permintaan berikutnya)			RM5.00 bagi setiap salinan							
Yuran Penyata Bulanan	Salinan penyata dihantar ke alamat surat-menyurat: RM12.00 setahun ePenyata: TIADA caj			ePenyata: TIADA caj							
Penukaran Mata Wang Bagi Urus niaga Luar Negara	Urus niaga di luar Malaysia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada tarikh urus niaga diterima dan/atau diproses. Kadar tukaran mungkin berbeza daripada kadar harian mengikut turun-naik pasaran. Kadar tukaran ditentukan oleh Mastercard International, UnionPay International atau Visa International serta tambahan penukaran 1% tukaran mata wang asing (dahulunya dikenali sebagai kos pentadbiran) oleh AmBank ke atas jumlah Ringgit Malaysia yang ditukar.			Urus niaga di luar Malaysia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada tarikh urus niaga diterima dan/atau diproses. Kadar tukaran mungkin berbeza daripada kadar harian disiarkan akibat turun-naik pasaran. Kadar tukaran ditentukan oleh Mastercard International atau Visa International.							

Perhatian: Menurut Klausu 5.1 (a) Perjanjian ini, kandungan Jadual ini adalah tertakluk kepada perubahan dari masa ke masa dan sebarang perubahan akan dimaklumkan kepada pelanggan. Maklumat yang disediakan dalam Perjanjian ini sah pada 1 Julai 2024, untuk pindaan terkini, sila layari [ambank.com.my](http://ambank.com.my)

## LAMPIRAN 2

(merujuk Bahagian 6(a) Perjanjian ini)

### 1. Ganjaran AmBonus (sah untuk Kad dengan Mata AmBonus sahaja)

- (a) Untuk setiap RM1 yang dicajkan kepada Kad untuk pembelian runcit baru, satu Mata AmBonus (1) akan diberikan kepada Pemegang Kad. Penjejakan transaksi runcit adalah berdasarkan tarikh transaksi dipos pada penyata Pemegang Kad (Waktu Malaysia) dan Bank tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun untuk sebarang pengeposan lewat ke akaun Kad Kredit Pemegang Kad oleh saudagar dan/atau mana-mana pihak ketiga. Sebarang pengeposan lewat akan menyebabkan Mata AmBonus dikira pada kitaran penyata seterusnya.
- (b) Mata AmBonus diberikan untuk perbelanjaan runcit sahaja. Yuran pengurusan, yuran pendahuluan tunai, pindahan baki, tunai kuasi dan caj lain yang dikenakan oleh Bank dan baki tertunggak yang dibawa ke hadapan dari bulan sebelumnya dikecualikan daripada pengiraan Mata AmBonus. Mata AmBonus tidak diberikan bagi urusan niaga yang berikut:
  - i. sebarang pembelian di stesen minyak;
  - ii. sebarang pembayaran untuk kebajikan di bawah Pedagang Kategori Kod (MCC) 8398; dan
  - iii. sebarang pembayaran yang berkaitan dengan kerajaan di bawah MCC yang ditetapkan:- 9211, 9222, 9223, 9311, 9399, 9402, 9405, dan
  - iv. transaksi JomPay.
- (c) Mata AmBonus yang diperolehi menggunakan Kad Tambahan dikira secara berasingan. Mata AmBonus yang diperolehi akan dipaparkan dalam Penyata Kad.
- (d) Kadar Mata AmBonus yang berbeza akan dikenakan keatas program kad terpilih pada kadar tertentu yang mungkin ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa, dengan notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar.
- (e) Jika sebarang urusan niaga dipertikaikan dan/atau dibalikkan, Bank berhak untuk menolak Mata AmBonus yang diperolehi dan dikreditkan daripada urusan niaga yang dipertikaikan/dibalikkan. Sekiranya Mata AmBonus digunakan sebelum pembalikan, Bank berhak untuk mendebitkan wang tersebut daripada Akaun Kad.
- (f) Mata AmBonus yang terkumpul mempunyai tempoh sah tiga (3) tahun berasaskan blok tahunan dan atas dasar masuk dahulu dan keluar dahulu seperti yang dipaparkan dalam Penyata Kad. Sebarang Mata AmBonus tidak digunakan atau ditebus akan dibatalkan secara automatik selepas tempoh sah.
- (g) Selepas Kad dibatalkan, sama ada oleh Bank atau oleh Pemegang Kad, Mata AmBonus yang belum digunakan akan dibatalkan dan tidak boleh ditebus oleh Pemegang Kad.
- (h) Penebusan Mata AmBonus boleh dibuat oleh Pemegang Kad menerusi borang penebusan yang disediakan oleh Bank di [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my) atau dengan menghubungi Pusat Perhubungan Bank. Selain itu, penebusan serta-merta boleh dibuat di mana-mana Pedagang yang turut serta.

### 2. Ganjaran BonusLink (sah untuk Kad dengan mata BonusLink sahaja)

- (a) Untuk setiap RM20 yang dicajkan kepada Kad untuk pembelian runcit baru, tiga (3) mata BonusLink akan diberikan kepada Pemegang Kad. Tambahan lagi:
  - i. untuk urusan niaga yang dibuat di luar Malaysia menggunakan Kad AmBank Platinum dan Signature, mata BonusLink yang diberikan akan digandakan dua (2); dan
  - ii. jika Pemegang Kad juga merupakan Pemegang Kad BonusLink, Pemegang Kad juga akan menerima dua (2) set mata ganjaran daripada satu urusan niaga, setiap satu daripada pedagang AmBank dan BonusLink yang turut serta.Pemegang Kad juga layak menggunakan mata BonusLink untuk menjelaskan yuran Tahunan Kad di bawah Klausa 5.1 (a)(i) Perjanjian ini
- (b) Mata BonusLink hanya diberikan bagi perbelanjaan runcit sahaja. Yuran pengurusan, yuran pendahuluan tunai, pindahan baki, tunai kuasi dan caj lain yang dikenakan oleh Bank dan baki tertunggak yang dibawa ke hadapan daripada bulan sebelumnya dikecualikan daripada pengiraan mata BonusLink. Mata BonusLink tidak diperolehi untuk urusan niaga yang berikutnya:
  - i. sebarang pembelian di stesen minyak kecuali dinyatakan;
  - ii. sebarang pembayaran untuk kebajikan di bawah Pedagang Kategori Kod (MCC) 8398; dan
  - iii. sebarang pembayaran yang berkaitan dengan kerajaan di bawah MCC yang ditetapkan:- 9211, 9222, 9223, 9311, 9399, 9402, 9405, dan
  - iv. transaksi JomPay.
- (c) Mata BonusLink yang diperolehi menggunakan Kad Tambahan dikira secara berasingan. Mata BonusLink yang diperolehi dipaparkan dalam Penyata Kad.
- (d) Kadar mata BonusLink yang berbeza akan diberikan bagi program kad tertentu pada kadar yang ditetapkan oleh Bank dari masa ke masa dengan memberikan notis terlebih dahulu.
- (e) Jika sebarang urusan niaga dipertikaikan dan/atau dibalikkan, Bank berhak untuk menolak mata BonusLink yang diperolehi dan/atau dikreditkan daripada urusan niaga yang dipertikaikan/dibalikkan tersebut. Sekiranya mata BonusLink digunakan sebelum pembalikan, Bank berhak untuk mendebitkan Akaun Kad bagi jumlah yang sama.
- (f) Menurut Perjanjian Pemegang Kad dengan BonusLink, mata BonusLink yang dikumpulkan sah selama tiga (3) tahun. Sebarang mata BonusLink yang tidak digunakan atau ditebus akan dibatalkan secara automatik selepas tempoh sah.
- (g) Selepas Kad dibatalkan, sama ada oleh Bank atau oleh Pemegang Kad, sebarang mata BonusLink daripada penggunaan Kad yang masih belum dipindahkan kepada BonusLink hendaklah dibatalkan.
- (h) Sebarang penebusan mata BonusLink hendaklah dibuat menerusi Pusat Perhubungan BonusLink di 03-7626 1000 atau di gedung pedagang BonusLink yang turut serta.

3. Mata Ganjaran Enrich (sah untuk Kad AmBank Enrich Visa Infinite dan Kad AmBank Enrich Visa Platinum sahaja)

- (a) Mata Ganjaran Enrich diberikan kepada Pemegang Kad akan dikreditkan ke dalam Akaun Enrich Pemegang Kad berdasarkan jumlah amaun transaksi runcit dalam Ringgit Malaysia (RM) yang dibuat menggunakan Kad. Ia akan terkumpul setiap hari bagi setiap transaksi dan dibundarkan ke Mata Ganjaran Enrich terdekat seperti berikut:

Transaksi Runcit	Kad AmBank Enrich Visa Infinite		Kad AmBank Enrich Visa Platinum	
Penerbangan <sup>1</sup> dan Luar Negeri <sup>2</sup> (selain Ringgit Malaysia)	RM1 = 1 Mata Ganjaran Enrich		RM2 = 1 Mata Ganjaran Enrich	
Tempatan <sup>3</sup> (Ringgit Malaysia)	Tahun 1 (1 Julai 2024 – 30 Jun 2025)	RM3 = 1 Mata Ganjaran Enrich	Tahun 1 (1 Julai 2024 – 30 Jun 2025)	RM4 = 1 Mata Ganjaran Enrich
	Tahun 2 dan seterusnya (1 Julai 2025 dan seterusnya)	RM4 = 1 Mata Ganjaran Enrich	Tahun 2 dan seterusnya (1 Julai 2025 dan seterusnya)	RM5 = 1 Mata Ganjaran Enrich

<sup>1</sup>Transaksi runcit dalam penerbangan adalah merujuk kepada transaksi runcit di bawah Pedagang Kategori Kod ("MCC") 3000 – 3301 dan 4511.

<sup>2</sup>Transaksi runcit luar negeri merujuk kepada mana-mana transaksi runcit yang dilakukan dalam mata wang asing, iaitu mata wang bukan Ringgit Malaysia, walau di manapun transaksi tersebut dilakukan.

<sup>3</sup>Transaksi runcit tempatan adalah merujuk kepada mana-mana transaksi runcit yang dilakukan dalam Ringgit Malaysia, walau di manapun urusan niaga tersebut dilakukan.

- (b) Mata Ganjaran Enrich hanya diberikan berdasarkan transaksi runcit sahaja. Faedah, caj kewangan, yuran Pendahuluan Tunai, pemindahan baki, tunai separa, yuran-yuran dan caj-caj lain yang dikenakan oleh Bank dan baki-baki belum jelas yang dibawa ke hadapan dari bulan sebelumnya adalah dikecualikan daripada pengiraan Mata Ganjaran Enrich. Mata Ganjaran Enrich tidak diperolehi untuk urusan niaga berikut:
- sebarang pembelian di stesen minyak, kecuali dinyatakan sebaliknya;
  - sebarang bayaran untuk kebajikan di bawah MCC 8398 yang ditetapkan;
  - sebarang bayaran berkaitan kerajaan, di bawah MCC: 9211, 9222, 9223, 9311, 9399, 9402, 9405 yang ditetapkan, kecuali dinyatakan sebaliknya;
  - transaksi JomPay; dan
  - transaksi e-dompot di bawah MCC 6540 yang ditetapkan
- (c) Penentuan kategori di bawah Klausa 3(b) adalah mengikut budi bacara Bank dan adalah muktamad dan konklusif.
- (d) Penukaran Mata Ganjaran Enrich untuk Transaksi Runcit Tempatan Tahun 1 akan sah sehingga 30 Jun 2025 atau setelah memenuhi jumlah keseluruhan tahun pertama sebanyak 43,000,000 Mata Ganjaran Enrich, yang mana terdahulu. Sekiranya melebihi, penukaran Mata Ganjaran Enrich Transaksi Runcit Tempatan akan berdasarkan kadar penukaran Tahun 2 dan seterusnya.
- (e) Mata Ganjaran Enrich yang diperolehi hanya sah selama tiga (3) tahun dan akan luput pada hujung bulan tahun ketiga, kecuali dinyatakan sebaliknya.
- (f) Penebusan Mata Ganjaran Enrich
- Mata Ganjaran Enrich yang dikreditkan ke dalam Akaun Enrich Pemegang Kad hanya boleh digunakan untuk penebusan yang dibuat di bawah Program Enrich, tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh Malaysia Airlines dan seperti yang boleh dipinda oleh Malaysia Airlines dari semasa ke semasa. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Terma dan Syarat Enrich di <https://enrich.malaysiaairlines.com/enrich/about-enrich/terms-conditions.html>.
  - Penebusan Mata Ganjaran Enrich boleh dibuat oleh Pemegang Kad melalui laman web Malaysia Airlines, Katalog Enrich Online dan rakan kongsi penebusan lain yang mengambil bahagian.
  - Mata Ganjaran Enrich yang diperolehi tidak mengandungi wang tunai atau nilai monetari dan tidak boleh ditukarkan. Kecuali dinyatakan sebaliknya, Mata Ganjaran Enrich yang diperolehi boleh dipindahkan tertakluk kepada terma dan syarat terpakai di <https://enrich.malaysiaairlines.com/enrich/about-enrich/terms-conditions.html>
  - Sekiranya terdapat transaksi runcit dengan Kad yang dibalikkan atau dibatalkan, Bank sama ada:
    - Meminta Malaysia Airlines untuk mendebitkan Akaun Enrich Pemegang Kad untuk Mata Ganjaran Enrich yang diperolehi daripada transaksi runcit yang berkaitan, yang dikehendaki dibalikkan atau dibatalkan dengan syarat terdapat Mata Ganjaran Enrich yang mencukupi dalam Akaun Enrich Pemegang Kad; atau
    - Mendebitkan Akaun Kad Pemegang Kad untuk Mata Ganjaran Enrich yang diperolehi daripada transaksi runcit yang dikehendaki dibalikkan atau dibatalkan; berdasarkan kadar pertukaran, jika Mata Ganjaran Enrich yang diperolehi daripada transaksi runcit tersebut telah pun ditebus oleh Pemegang Kad.
  - Sekiranya terdapat sebarang Mata Ganjaran Enrich yang telah dikreditkan, dikehendaki dibatalkan daripada Akaun Kad Pemegang Kad disebabkan pelanggaran mana-mana terma dan syarat yang terpakai, Bank sama ada:

- a) Meminta Malaysia Airlines mendebitkan Akaun Enrich Pemegang Kad untuk Mata Ganjaran Enrich berkaitan yang telah dikreditkan; atau
  - b) Mendebitkan Akaun Kad Pemegang Kad untuk Mata Ganjaran Enrich yang telah dikreditkan, yang dikehendaki dibatalkan berdasarkan kadar pertukaran, jika Mata Ganjaran Enrich tersebut telah pun ditebus oleh Pemegang Kad.
- vi. Sekiranya sebarang Mata Ganjaran Enrich dikreditkan secara silap, secara salah atau tidak menurut atau melanggar Terma dan Syarat, Malaysia Airlines berhak untuk membalikkan atau mengeluarkan sebarang Mata Ganjaran Enrich yang dikreditkan kepada Ahli dengan memberi notis awal kepada Bank atau Pemegang Kad.
- vii. Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memastikan Akaun Enrich beliau sentiasa dalam status yang baik dan aktif untuk membolehkannya menerima Mata Ganjaran Enrich daripada Bank. Pemegang Kad boleh menghubungi Malaysia Airlines dan berurusan terus dengan Malaysia Airlines berkaitan penebusan Mata Ganjaran Enrich atau sebarang pertanyaan atau pertikaian berhubung Akaun Enrich Pemegang Kad. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap Pemegang Kad atas sebarang tindakan atau ketiadaannya oleh Malaysia Airlines berhubung Mata Ganjaran Enrich, termasuk tetapi tidak terhad kepada penebusan Mata Ganjaran Enrich, dan sebarang isu berkaitan penebusan Mata Ganjaran Enrich hendaklah diselesaikan antara Pemegang Kad dan Malaysia Airlines, tanpa meminta bantuan daripada atau menjadi liabiliti kepada Bank.
- viii. Pemegang Kad dengan ini mengakui bahawa akan ada suatu tempoh masa yang munasabah antara urusan niaga yang dijalankan menggunakan Kad dan pengkreditan Mata Ganjaran Enrich ke dalam Akaun Enrich Pemegang Kad. Oleh itu, Bank tidak mewakili atau menjamin bahawa sebarang Mata Ganjaran Enrich yang diperoleh menggunakan Kad akan tersedia serta-merta untuk ditebus.
- ix. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang penebusan tanpa kebenaran, atau sebarang transaksi lain yang melibatkan Program, walau bagaimanapun ia timbul.
- (g) Mata Ganjaran Enrich yang diperolehi oleh Pemegang Kad akan dinyatakan dalam penyata bulanan Kad Pemegang Kad Utama. Bank berhak untuk mengubah tarikh dan kekerapan pengkreditan Mata Ganjaran Enrich dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan dan/atau ketinggalan dalam memproses dan mengkreditkan Mata Ganjaran Enrich ke dalam Akaun Enrich Pemegang Kad. Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad Utama bermaksud individu yang telah diberikan Kad utama dan mempunyai kuasa utama untuk menguruskan akaun Kad.
- (h) Bank berhak menggunakan budi bicaranya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad dan tanpa liabiliti kepada Pemegang Kad, untuk menggantung bagi tempoh yang tidak pasti, membatalkan dan/atau menamatkan atau mengubah Program. Tanpa menghadkan keumuman peruntukan-peruntukan yang seterusnya, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap Pemegang Kad atas penggantungan, pembatalan atau penamatan Program atau sebarang manfaat yang tersedia di bawahnya untuk sebarang sebab apa jua pun, termasuk tetapi tidak terhad kepada situasi di mana Malaysia Airlines menarik balik atau membatalkan sebarang manfaat atau tawaran yang dibuat di bawah Program, termasuk sebarang pembatalan, penggantungan, penarikan balik dan/atau pemindaan Enrich dalam sebarang cara yang menjejaskan Bank dan/atau Pemegang Kad.
- (i) Sekiranya Kad kepada Pemegang Kad dibatalkan atau ditamatkan oleh sama ada Pemegang Kad atau Bank, Pemegang Kad tidak lagi berhak ke atas Mata Ganjaran Enrich yang diperolehi daripada transaksi runcit yang dijalankan menggunakan Kad yang belum dikreditkan ke dalam Akaun Enrich Pemegang Kad, walau berapapun Mata Ganjaran Enrich yang diperolehi yang mungkin telah dinyatakan dalam penyata Kad Pemegang Kad. Mata Ganjaran Enrich sedemikian akan dibatalkan dan/atau diambil kembali secara automatik apabila Kad dibatalkan/ditamatkan.
- (j) Transaksi runcit yang dijalankan menggunakan Kad dan penukaran kepada Mata Ganjaran Enrich akan dinyatakan dalam penyata bulanan Kad yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad dengan ini secara jelas berakujanji dengan Bank bahawa Pemegang Kad bertanggungjawab untuk melaporkan kepada Bank secara bertulis dalam masa empat belas (14) Hari Berniaga dari tarikh Pemegang Kad menerima atau dianggap telah menerima penyata tersebut, tentang sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan apa-apa catatan dalam penyata bulanan Kad, terutamanya transaksi runcit berkaitan Mata Ganjaran Enrich yang diperolehi. Sekiranya Pemegang Kad membuat demikian, dalam tempoh yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat di sini, memaklumkan Bank secara bertulis tentang sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan sedemikian, maka Pemegang Kad akan dianggap sebagai telah menerima catatan yang dimasukkan sebagai tepat, muktamad dan bukti konklusif bagi fakta-fakta yang terkandung didalamnya dan penyata tersebut hendaklah dianggap sebagai mengikat terhadap Pemegang Kad. Pemegang Kad selepas itu adalah terhalang daripada membuat sebarang tuntutan terhadap Bank dengan mendakwa penyata tersebut mengandungi kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan.
- (k) Pemegang Kad mengakui dan bersetuju bahawa penebusan Mata Ganjaran Enrich adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh Malaysia Airlines yang boleh dipinda dari semasa ke semasa. Dengan mengambil bahagian dalam Program ini, Pemegang Kad bersetuju untuk terikat dengan semua terma dan syarat yang terpakai dan untuk menghubungi Malaysia Airlines secara terus untuk sebarang pertanyaan atau isu.

Versi: Julai 2024